

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV

Bil. 27

Hari Selasa

14 Julai 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(Ruangan

)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998 (Ruangan)

Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998
(Ruangan)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

UCAPAN PENANGGUHAN

**Masalah Penerimaan Pancaran Televisyen di Daerah Barat Daya
Pulau Pinang**

- Y.B. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]

(Ruangan)

**Isu Pelarian Politik Aceh dan Tanggungjawab Atas Dasar
Perikemanusiaan**

- Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S
(Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar,
Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S.,
A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor
Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N.
(Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan
Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka (Beluran)

- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K.
(Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

Yang Berhormat Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 14 Julai 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Che Ibrahim bin Mustafa.

[Soalan No. 2 - Y.B. Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) tidak hadir]

**LEBUHRAYA SPRINT (SPRINT HIGHWAY) DI SUNGAI PENCHALA,
KUALA LUMPUR - KEPENTINGAN RIZAB MELAYU TERJEJAS**

2. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai kawasan meliputi Lebuhraya Sprint (Sprint highway) di Sungai Penchala Kuala Lumpur:

- (a) adakah kementerian mengetahui bahawa terdapat banyak aduan daripada penduduk sekitar yang terjejas dengan projek berkenaan; dan
- (b) memandangkan sebahagian lebuhraya ini akan menjejaskan tanah rizab Melayu, adakah projek ini akhirnya akan mengurangkan tanah rizab Melayu di Kuala Lumpur.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat

bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu yang dijadualkan pada 23 Julai 1998 kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berhubung dengan bantahan/rayuan penduduk Kampung Sungai Penchala terhadap pelaksanaan projek Penchala Link.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jajaran Penchala Link di bawah projek Skim Penyuraian trafik Kuala Lumpur Barat (Sprint) merupakan jalan jejari baru sepanjang 5 km bermula dari Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP) di sebelah barat dan berakhir di Mount Kiara di sebelah timur. Jajaran ini merupakan sebuah jajaran boleh dikatakan sebagai dengan izin, 'main spine road' yang menghubungkan pusat Bandaraya Kuala Lumpur dengan kawasan di sebelah barat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang ada menerima bantahan dari penduduk dan pihak yang berkepentingan yang merasa terjejas dengan pelaksanaan projek ini. Oleh itu, beberapa siri rundingan telah/sedang diadakan di antara kerajaan dengan syarikat konsesi iaitu pihak Sprint berhubung dengan cadangan penjajaran semula (re-alignment) Penchala Link. Rundingan akan mengambil kira semua pandangan/bantahan pihak-pihak terbabit. Hasil rundingan ini akan dikemukakan kepada jemaah menteri untuk keputusan.

- (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan tanah rizab Melayu yang terlibat adalah seluas 38 hektar iaitu hanya 6% dari keseluruhan tanah rizab Melayu Sungai Penchala dan Segambut. Tanah yang diambil balik ini akan diganti dengan tanah yang lain dengan keluasan yang sama di kawasan Lembah Klang. Ingin saya nyatakan di sini bahawa kita perlu berfikiran terbuka dan melihat dari persepsi yang positif berhubung dengan pengambilan tanah rizab

Melayu ini. Pembinaan Penchala Link akan mewujudkan dengan izin, 'multiplier effect' dalam membantu memajukan tanah rizab Melayu Sungai Penchala dan rizab Melayu Segambut yang tidak terlibat secara langsung dengan projek ini. Di samping itu, Penchala Link akan membantu meningkatkan harga tanah rizab Melayu berkenaan.

Sekiranya projek Penchala Link ini tidak dilaksanakan, kemungkinan besar, jalan sedia ada di kawasan tersebut tidak akan dapat menampung pertambahan trafik akibat pembangunan di kawasan Sungai Penchala dan kawasan sekitarnya.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang penswastaaan jalan raya di Kuala Lumpur sebelum cadangan ditetapkan dan ditandatangani. Bolehkah pihak kementerian dan juga EPU berbual dengan penduduk-penduduk yang terlibat. Ini boleh menunjukkan pihak kerajaan ada suatu polisi terbuka dan transparence sebab projek jalan raya ini tidak ada berkaitan dengan keselamatan negara kita.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, di tiap-tiap jalan raya ataupun lebuh raya yang akan dirancang oleh kerajaan kita berbincang dengan pihak pemilik tanah selepas itu rancang. Saya percaya negara ini tidak mempunyai jalan raya.

Oleh kerana itu juga kita telah memperkenalkan beberapa peruntukan undang-undang dalam kanun tanah negara. Perkara ini adalah penting kepada kerajaan. Penting kepada rakyat. Penting kepada semua. Penting kepada saya dan juga Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana itu kerajaan tidak boleh berunding dengan tiap-tiap tuan punya tanah untuk mendapatkan kelulusan atau persetujuan daripada mereka sebelum kita merancang, mereka bentuk atau tidak. Saya percaya kita mesti dapat kerjasama daripada rakyat dan juga kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat akan membawa lebih perubahan kepada kawasan, lebih kemajuan kepada kawasan dan juga dengan

pengambilan balik tanah ini saya percaya Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di kawasan Sungai Penchala akan mendapat lebih faedah daripada projek ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tahu ada 28 projek sedang diluluskan oleh Dewan Bandaraya untuk dimajukan. Semuanya dipunyai oleh orang Melayu. Saya tidak suka menjejaskan kemajuan mereka. Saya percaya kemajuan orang Melayu lebih penting daripada seseorang dalam negara ini.

Beberapa Ahli: [*Tepuk*]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diutarakan oleh Dato' Mohd. Nor Azam yang menjadi Ketua Jawatankuasa Bertindak penduduk kampung Sungai Penchala. Dato' Mohd. Nor Azam juga merupakan bekas Setiausaha kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa tanah-tanah rizab Melayu hilang, faedah orang sekelilingnya tidak dapat kerana ia adalah highway dan akan dipagar 'close stall'. Jadi bagaimanakah Yang Berhormat Menteri katakan tadi mereka mendapat faedah sedangkan ianya 'close highway' iaitu dipagar. Mereka tidak dapat terlibat dalam aktiviti perniagaan dan sebagainya sedangkan tanah mereka hilang, gantinya sudah tentu tidak setimpal. Ini pandangan daripada Dato' Mohd. Nor Azam sendiri yang mengetuai penentangan terhadap pembinaan highway ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohd. Nor Azam ialah seorang pemilik tanah di sana. It is conflict of interest.....

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dato' Seri S. Samy Vellu:jikalau kita ikut dengan undang-undang tetapi saya suka menerangkan sedikit untuk memajukan tanah Sungai Penchala yang dipunyai oleh kaum Melayu kita ada juga satu jejantas ataupun persimpangan bertingkat berharga RM70 juta sedang dibina jikalau kita mendapat kelulusan. Dengan RM70 juta itu kita akan buka kawasan itu untuk mendapat kemajuan.

Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu tanah seluas empat ekar sahaja mereka mendapat permintaan kemajuan tanah daripada Dewan Bandaraya

iaitu 305 kondo dalam empat ekar tanah dan ada juga reserve untuk simpan kereta (car park) 360 kereta. Kalau semua orang majukan tanah di mana kereta hendak ikut jalan. Mana ada jalan. Saya percaya tanah ini dipunyai oleh orang Melayu tetapi kita mesti membawa perubahan dalam fikiran kita. Itu fikiran saya.

SYARIKAT-SYARIKAT IKS NAZAK - PERANAN KEMENTERIAN MEMBANTU

3. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bahawa kegawatan ekonomi negara kita terdapat lebih kurang 25,000 syarikat-syarikat Industri Kecil Sederhana (IKS) nazak dan memerlukan pembelaan, sejauh mana Kementerian Pembangunan Usahawan dapat membantu syarikat-syarikat IKS tersebut dan berapa banyakkah pinjaman telah dikeluarkan dalam tahun 1997 dan setengah (1/2) tahun 1998 dari Tabung IKS ini dan apakah syarat-syarat pinjaman.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak setengah tahun lepas telah menjejaskan syarikat-syarikat di negara kita bukan sahaja syarikat besar malah syarikat kecil dan sederhana juga turut terjejas. Pihak kementerian bersama-sama Universiti Malaya menjalankan kajian tentang kesan kegawatan ke atas syarikat khususnya syarikat kecil dan sederhana dan antara masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat ialah penurunan permintaan ataupun client and demand, dengan izin bagi barangan yang dikeluarkan. Peningkatan kos khususnya bagi keluaran yang menggunakan input dari luar negara, kadar faedah yang tinggi dan kesukaran mendapat kemudahan kewangan daripada pihak bank.

Tuan Yang di-Pertua, daripada beberapa program yang dilaksanakan oleh kementerian kita dapati bahawa secara puratanya 15% daripada usahawan-usahawan kecil dan sederhana ini sedang mengalami masalah dan ada di antaranya telah terpaksa menutup operasi akibat kegawatan. Angka ini walaupun tinggi tidaklah amat membimbangkan - 15% secara purata. Response kerajaan kepada

masalah-masalah dihadapi oleh usahawan ini ialah yang pertamanya menubuhkan tabung, yang keduanya ialah untuk menubuhkan pusat-pusat khidmat bantuan kepada usahawan. Kementerian Pembangunan Usahawan telah menubuhkan satu pusat khidmat untuk usahawan kecil. Enam minggu yang lalu di mana usahawan-usahawan boleh datang ke kementerian untuk mengadu hal, merayu dan membangkitkan masalah. Sehingga kini kira-kira 300 orang usahawan telah pun datang ke kementerian untuk menyatakan masalah-masalah yang mereka hadapi.

Perkara yang lebih penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah penubuhan tabung-tabung utama untuk membantu usahawan kecil sederhana ialah Tabung Industri Kecil Sederhana (TIKS). Ini adalah khusus untuk usahawan sederhana dan yang kedua ialah tabung usahawan kecil untuk mereka yang memerlukan RM20,000 ke bawah dan ketiga tabung pembiayaan usahawan kecil untuk mereka yang memerlukan antara RM10 ribu hingga RM50 ribu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tabung-tabung ini ada di antaranya baru sahaja dilaksanakan, maka prestasi sehingga kini tidaklah begitu menggalakkan. Umpamanya bagi TIKS jumlah kelulusan sehingga kini iaitu 14 Julai ialah 134 melibatkan RM188.8 juta berbanding peruntukan sebanyak RM1.5 ribu juta. Itu adalah prestasi TIKS. Mengenai beberapa tabung lain sebagai contoh tabung pembiayaan usahawan kecil umpamanya tahun lalu telah meluluskan pinjaman kepada seramai 630 orang usahawan melibatkan RM14.4 juta. Tahun ini Januari hingga sekarang bilangan permohonan yang diluluskan ialah 232 permohonan melibatkan RM11.24 juta. Tabung usahawan kecil yang baru ditubuhkan tahun ini yang diperuntukkan RM50 juta oleh kerana baru tiga empat bulan dilaksanakan. Bilangan permohonan sehingga kini ialah untuk mereka yang memerlukan RM20 ribu ke bawah. Bilangan permohonan ialah 649 yang diluluskan pada masa ini cuma 49 melibatkan RM514 ribu. Kerajaan sedar bahawa prestasi tabung-tabung ini adalah lembab dan langkah-langkah sedang diambil untuk mengatasi masalah ini dengan perundingan dengan bank dan lain-lain

pihak bagi memastikan bahawa proses permohonan dapat dipercepatkan. Bukan sahaja permohonan malah pengeluaran pinjaman juga kita akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkan kerana pengeluaran daripada tabung-tabung ini adalah penting dalam usaha kerajaan untuk memantapkan lagi dan memulih ekonomi negara di Malaysia.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan kebanyakan pembiayaan daripada tabung IKS ini tidak diberi kepada usahawan-usahawan IKS daripada kawasan Klang Valley dan syarikat-syarikat IKS luar dari Klang Valley kebanyakan tidak tahu dengan kewujudan tabung IKS ini. Adakah perkara ini benar dan jika benar mengapa kementerian tidak membuat publisiti yang meluas berkaitan wujudnya tabung-tabung seperti tabung IKS ini. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya TIKS ini telah pun dihebahkan ke seluruh negara dan mereka yang mendapat manfaat daripada tabung ini bukan sahaja terdiri daripada mereka yang tinggal di Lembah Klang tetapi juga di seluruh negara, semua 14 buah negeri di Malaysia telah pun ada permohonan yang telah diluluskan. Sebagai contoh negeri Selangor mempunyai permohonan terbanyak diluluskan 39 melibatkan RM54.9 juta. Negeri yang kedua banyak ialah negeri Johor - 18 permohonan diluluskan dan melibatkan RM24.2 juta. Jadi Negeri Sembilan - 8, negeri Perak - 8. Itu sebagai contoh, negeri Sabah pun ada. Negeri Sabah - 8 melibatkan RM21.2 juta. Ringkasnya tabung ini telah dimanfaatkan oleh usahawan kecil sederhana seluruh negara. Hebahannya kita merasakan sudah meluas melalui media, usaha-usaha kerajaan termasuk juga usaha-usaha oleh Dewan Perniagaan yang telah mengambil inisiatif untuk menghebahkan tabung-tabung ini.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri bagaimanakah kementerian menangani masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat IKS yang di bawah skim vendor

ataupun konsep payung, dan apakah peranan vendor dan konsep payung itu dalam hal yang sama.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai vendor dan payung pihak kementerian terlibat dalam kedua-dua program ini. Vendor yang paling utama ialah vendor yang melibatkan pembekalan komponen kepada Syarikat Proton dan juga Perodua. Kita tahu bahawa akibat daripada kemerosotan jualan kereta Proton, maka dengan sendirinya komponen yang dijual kepada Proton sudah merosot dan untuk ini pihak Proton bersama-sama dengan syarikat vendor telah cuba menangani isu ini di mana pihak Syarikat Proton sendiri telah menanggung sedikit sebanyak beban yang dirasakan oleh syarikat-syarikat vendor itu cara Proton menangani isu vendor. Sebagai contoh mengenai 'payung' kementerian terlibat dalam skim pembekalan perabot kepada jabatan-jabatan kerajaan pada masa ini. Apa yang berlaku ialah syarikat-syarikat ini banyak bergantung kepada pasaran kerajaan. Oleh kerana pasaran kerajaan menjadi kecil sudah pasti perniagaan mereka telah berkurangan. Kementerian sedang berusaha untuk memperluaskan pasaran bersama-sama kementerian lain termasuklah pasaran luar negara dan pada masa ini sudah ada kira-kira 10 buah syarikat anak payung Guthrie yang terlibat dalam pembekalan perabot ke jabatan kerajaan dan telah pun diberi bimbingan oleh jabatan-jabatan kerajaan lain termasuk MATRADE, Kementerian Perusahaan Utama untuk membolehkan mereka mengeksport ke luar negara. Jadi itu caranya kita menangani masalah yang dihadapi oleh syarikat payung perabot iaitu cuba menembusi pasaran luar negeri.

**FOMEMA SDN. BHD. -
BAYARAN PEMERIKSAAN KESIHATAN PEKERJA ASING**

4. **Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) justifikasi dalam membenarkan hanya satu syarikat persendirian iaitu, Fomema Sdn. Bhd., yang mengenakan bayaran yang sebegitu tinggi untuk tujuan pemeriksaan kesihatan pekerja asing; dan

- (b) adakah kerajaan menyedari bahawa majoriti populasi Malaysia adalah dipaksa untuk membayar yuran yang tinggi oleh kerana kerajaan telah membenarkan Fomema Sdn. Bhd. mengenakan bayaran yang tinggi dalam masa negara menghadapi masalah kewangan. Jikalau ini benar, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan tiga pertanyaan lagi mengenai isu-isu yang sama yang dibangkitkan oleh tiga Ahli Yang Berhormat dari Tawau - 14 Julai, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan - 27 Julai dan Gelang Patah - 30 Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan telah pun menerima sebanyak 15 surat aduan tentang pengurusan perkhidmatan, pemeriksaan kesihatan pekerja asing yang dilaksanakan oleh Fomema. Di antara isu-isu yang dibangkitkan adalah mengenai kelewatan bayaran, agihan klinik/makmal pemeriksaan x-ray, caj yang dikenakan oleh Fomema dan sebagainya.

Pihak Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal segala penyelewengan yang bakal wujud di Fomema. Di antaranya ialah pewujudan Jawatankuasa Penyelarasan Projek Penswastaaan untuk mengawasi pelaksanaan projek ini. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pihak Kementerian Kesihatan, wakil Kementerian Dalam Negeri, wakil Jabatan Imigresen, wakil Unit Perancang Ekonomi serta wakil Fomema. Semua masalah dan aduan juga dibincang semasa mesyuarat ini. Syarikat Fomema juga telah diminta menyediakan laporan mengenai aduan-aduan tertentu. Pegawai Kementerian Kesihatan juga dari semasa ke semasa melawat pejabat Fomema dan cawangannya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah mengkaji dengan teliti semua aspek mengenai penswastaaan projek ini termasuk bayaran bagi pemeriksaan perubatan pekerja asing di negara ini. Tujuan utama projek ini yang telah diswastakan oleh kepada Fomema Sdn. Bhd., ialah untuk mempercepatkan

pengumpulan data tentang status kesihatan pekerja asing di negara ini yang sebelum ini tidak dapat diperolehi. Fomema Sdn. Bhd., merupakan sebuah syarikat yang mana pemegang-pemegang sahamnya terdiri daripada Masa Perunding Sdn. Bhd., Konsortium Bersatu Perkhidmatan Kesihatan Sdn. Bhd. dan Koperasi Doktor Malaysia yang merupakan satu organisasi doktor dengan 623 orang ahli. Tan Sri Awang Had Salleh selaku pengerusi juga mempunyai saham dalam syarikat Fomema Sdn. Bhd.

Kerajaan telah meluluskan caj-caj bagi pemeriksaan perubatan hanya selepas mengkaji caj-caj semasa serta caj-caj yang telah disyorkan oleh pihak Persatuan Perubatan Malaysia. Caj yang dikenakan di bawah projek penswastaaan Fomema iaitu RM180.00 untuk lelaki dan RM190.00 untuk wanita adalah lebih rendah daripada caj yang diluluskan oleh Persatuan Perubatan Malaysia iaitu RM210.00 untuk lelaki dan RM220.00 untuk wanita.

Tuan Yang di-Pertua, projek penswastaaan dan penyeliaan pemeriksaan perubatan pekerja asing telah diswastakan kepada Fomema Sdn. Bhd. dan telah beroperasi mulai 1 Disember 1997. Sehingga bulan Mei 1998 sebanyak 157,013 pekerja asing telah diperiksa dan dari bilangan ini 6,141 telah disahkan tidak sihat.

Setakat ini di antara penyakit-penyakit yang dikesan ialah HIV - 42, Tibi - 469, Kusta - 4, Penyakit Kelamin - 1,217, Hepatitis - 3,926. Di samping itu beberapa pekerja telah disahkan menghidapi kanser - 4, Epilepsy - 4, penyakit mental - 4. Manakala 275 pekerja wanita didapati mengandung dan 91 ujian kencing pekerja didapati positif untuk dadah.

Di antara tugas-tugas Fomema adalah untuk menyediakan perhubungan komputer dengan Jabatan Imigresen. Dengan wujudnya perhubungan ini status kesihatan pekerja asing dapat disalurkan kepada Jabatan Imigresen melalui sistem komputer online dan seterusnya membolehkan pembaharuan permit kerja bagi pekerja asing dipercepatkan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian sedar bahawa

kos yang dikatakan tadi itu iaitu RM180.00 atau RM190.00 bagi wanita dan lelaki sebenarnya tidak mencerminkan kos yang sebenar kerana kebanyakan syarikat membayar hampir RM500.00 kerana tertakluk dengan clinical test, dengan izin, yang diarah oleh para pakar-pakar di dalam Syarikat Fomema ini. Seterusnya adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran yang seperti mana saya sebutkan tadi.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak ada apa-apa kajian. Selepas dibuat kajian kita akan tentukan harga ini.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan medical check-up, dengan izin oleh Fomema kami menerima banyak aduan berkaitan diskriminasi. Adakah benar Fomema mempunyai kliniknya sendiri di Pusat Bandar Damansara atau memberi hanya kepada sebilangan doktor terpilih?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini satu kes yang spesifik. Kalau Yang Berhormat boleh beritahu fakta kes ini kita boleh ambil tindakan.

**PELABURAN ASING MASUK KE MALAYSIA
PADA 1996, 1997, 1998 -
JUMLAH PERBANDINGAN**

5. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) sila beri jumlah sebagai perbandingan pelaburan asing masuk ke Malaysia pada tahun-tahun 1996, 1997 dan 1998; dan
- (b) sila beri jumlah juga sebagai perbandingan pelaburan asing di antara negeri Kelantan, Perak, Johor, Sabah dan Sarawak, dalam tahun-tahun yang sama seperti yang tersebut di atas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-

Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Senai yang perlu dijawab pada 15 Julai 1998 dan Yang Berhormat dari Seremban yang perlu dijawab pada 23 Julai 1998 oleh kerana kesemua soalan ini menyentuh perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MITI pada tahun 1996 ialah RM17.6 ribu juta, tahun 1997 sebanyak RM11.47 ribu juta dan bagi tempoh Januari hingga Jun 1998 sebanyak RM5.6 ribu juta.

Pelaburan asing yang diluluskan bagi negeri Kelantan ialah berjumlah RM31.2 juta bagi tahun 1996, RM17.3 juta bagi tahun 1997 dan RM4.2 juta tahun 1998 iaitu daripada Januari hingga Jun. Negeri Perak pula menerima pelaburan asing sebanyak RM112.9 juta dalam tahun 1996, RM217.8 juta dalam tahun 1997 dan RM113.8 juta tahun 1998. Bagi negeri Johor pula ialah sebanyak RM4.71 ribu juta bagi tahun 1996, RM4.54 ribu juta bagi tahun 1997 dan RM433.2 juta dalam tahun 1998. Negeri Sabah ialah sebanyak RM232.8 juta bagi tahun 1996, RM301.3 juta bagi tahun 1997 dan RM140.4 juta dalam tahun 1998. Pelaburan asing yang diluluskan bagi negeri Sarawak pula ialah sebanyak RM1.78 ribu juta bagi tahun 1996, RM57.8 juta dalam tahun 1997 dan RM478.1 juta bagi bulan Januari hingga Jun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Jun 1998 MITI telah meluluskan sejumlah 404 projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM14.36 ribu juta di mana sebanyak RM8.72 ribu juta adalah pelaburan tempatan dan RM5.64

ribu juta adalah pelaburan asing. Untuk tempoh bulan Julai 1997 sehingga Jun 1998 sebanyak 497 projek dengan penyertaan pelaburan asing telah diluluskan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM11.57 ribu juta. Manakala bagi tempoh bulan Julai 1996 hingga Jun 1997 jumlah projek yang diluluskan dengan penyertaan pelaburan asing ialah 509 dengan pelaburan berjumlah RM13.51 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berjaya mewujudkan 54,163 peluang pekerjaan dalam projek-projek yang diluluskan dengan penyertaan pelabur asing bagi tempoh bulan Julai 1997 hingga Jun 1998.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, ternyata kalau kita lihat Kelantan dan Perak mendapat pelaburan yang rendah. Jadi, mengikut pengalaman yang kita lihat di Sarawak salah satu daripada keperluan untuk pelabur asing datang ialah perhubungan pengangkutan antarabangsa, infrastruktur asas perindustrian dan keperluan warehousing dan storage. Jadi, adakah perkara yang sama juga berlaku di negeri tersebut dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah sedemikian?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada angka negeri Perak yang sebenarnya di dalam tahun 1996 sebanyak RM112.9 juta, tetapi meningkat kepada RM217.8 juta dalam tahun 1997. Dalam Januari hingga Jun 1998 ialah sebanyak RM113.8 juta. Ini bermakna negeri Perak tidak mengalami kesusutan dari segi pelaburan daripada pelabur-pelabur antarabangsa. Yang susut begitu ketara sekali ialah negeri Kelantan. Saya rasa kita harus bertanya kepada kerajaan negeri Kelantan setakat mana mereka “receptive” dan “perceptive” kepada kehendak-kehendak pelabur kalau mereka mengadakan undang-undang peraturan-peraturan yang menyempitkan peluang untuk pelaburan termasuk daripada pelabur-pelabur asing, dengan sendirinya pelabur-pelabur asing tidak hendak pergi ke negeri Kelantan. Dari segi infrastruktur saya rasa tidak ada masalah sama sahaja dengan negeri-negeri lain.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masa kita menghadapi kegawatan ekonomi, sehingga hari ini adakah terdapat ataupun berlakunya syarikat pelabur asing yang telah memberhentikan operasi mereka dan berapa ramaikah pekerja terlibat?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat beberapa belas buah syarikat yang telah menghentikan operasi mereka di dalam negara kita. Antara sebabnya ialah operasi ini dipindahkan ke tempat yang lebih cost effective. Bermakna kalau misalnya didapati bahawa operasi di negara ini mengeluarkan barangan-barangan tertentu, barangan yang dikeluarkan tidak dapat bersaing di peringkat antarabangsa, maka operasi tersebut akan dipindah ke negara-negara yang lebih cost effective seperti Vietnam, Myanmar dan sebagainya.

Keduanya, ialah oleh kerana proses dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, permintaan kepada barangan-barangan tertentu berkurangan. Jadi, dengan adanya permintaan yang berkurangan ini, maka pengeluaran tidak dapat ditingkatkan dan bagi kilang-kilang yang tidak dapat memastikan kos mereka ini rendah, maka terpaksa ditutup. Tetapi saya ingin memberi jaminan pekerja-pekerja yang diberhentikan bekerja oleh pekilang-pekilang ini tetap mendapat pekerjaan di kilang-kilang lain di mana produk keluaran mereka mempunyai demand yang begitu stabil sekali.

KES JENAYAH DAN ROMPAKAN – LANGKAH MEMBANTERAS

6. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan terdapat banyak kes jenayah dan rompakan sejak kebelakangan ini memandangkan kegawatan ekonomi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian supaya kadar jenayah dikurangkan dan keselamatan harian rakyat dipelihara dan dijaga; dan

- (b) memberi penjelasan apakah itu 'Safe City Concept' yang dikendalikan oleh polis kawasan Kuala Lumpur dan bagaimanakah ini akan dijangka akan mempertingkatkan usaha membanteraskan jenayah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian,

- (a) Bagi menangani kegiatan jenayah, pelbagai usaha dan langkah telah dilaksanakan khususnya oleh pihak polis. Di antara langkah pencegahan tersebut ialah:
 - (i) mengadakan operasi bersepadu dari semasa ke semasa ke atas sasaran-sasaran yang tertentu dan kenal pasti menjadi sarang penjenayah;
 - (ii) mengadakan sekatan jalan raya di kawasan yang sering menjadi laluan keluar masuk penjenayah terutamanya di antara negeri-negeri di Malaysia.

Pihak polis juga dari semasa ke semasa meningkatkan langkah-langkah pencegahan yang berbentuk non operational. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) mengadakan ceramah di sekolah, jabatan kerajaan dan tempat awam untuk menerangkan peranan dan kerjasama serta bantuan dari orang ramai kepada pihak polis dalam konteks memerangi jenayah;
- (ii) menganjurkan pameran mengenai kegiatan jenayah di samping mengedarkan risalah-risalah yang dapat menyedarkan masyarakat mengenai tanggungjawab mereka dalam memelihara keamanan dan kedaulatan undang-undang negara;
- (iii) mendapatkan bantuan media massa untuk menghebahkan kepada umum mengenai trend jenayah

- yang terkini supaya mereka beringat dan mengambil langkah-langkah sewajarnya;
- (iv) menggalakkan masyarakat supaya lebih peka dan mengambil berat berkenaan keadaan sekeliling di tempat tinggal dan mengamalkan konsep komuniti polising di taman tempat tinggal mereka.
- (b) Safe City Concept' atau konsep Bandar Selamat ialah satu pendekatan yang boleh digunakan untuk mewujudkan persekitaran fizikal yang boleh membantu dalam pencegahan jenayah dalam kawasan-kawasan pembangunan yang sedia ada, iaitu melalui rekabentuk persekitaran atau environmental design. Ia merupakan satu program bersepadu ke arah pewujudan bandar selamat, di mana penduduknya adalah lebih selamat daripada jenayah dan perasaan takut terhadap ancaman penjenayah. Pendekatan ini adalah berasaskan prinsip bahawa pencegahan jenayah ialah melalui pengurangan peluang-peluang untuk melakukan jenayah dan mewujudkan persekitaran fizikal yang boleh menyelesaikan masalah jenayah dan sekali gus mencegah jenayah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bentuk pendekatan atau cara-cara pihak keselamatan khususnya Polis Diraja Malaysia untuk mengawal serta membendung peningkatan kes-kes jenayah perdagangan dan juga fitnah-memfitnah yang terlalu banyak pada masa kini melalui Internet menjelangnya Sukom '98 yang akan datang ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ibu pejabat polis memang sedar tentang peningkatan kegiatan sama ada perdagangan ataupun masalah fitnah-memfitnah melalui surat layang ataupun artikel-artikel yang tidak bertanggungjawab di Internet. Selagi ada maklumat yang diberi kepada pihak polis, polis akan siasat secara terperinci. Pada masa kini banyak pegawai polis telah pun

dilatih dalam pengetahuan, selok-belok cara penjenayah perdagangan. Maka hari ini kalau dibandingkan dengan dahulu polis lebih siap sedia dalam profesion mereka terhadap cabaran baru.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan angka-angka tertentu berhubung dengan kadar jenayah sejak kegawatan ekonomi berbanding dengan sebelum?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini satu soalan kalau kita in the practicing tidak betul, ia akan jadi negatif. Tetapi saya rasa elok kita intepretasikan angka-angka yang saya akan sampaikan ini dengan betul. Kalau hendak banding dengan sebelum kegawatan ekonomi iaitu tahun lepas 1997 untuk enam bulan yang pertama, iaitu Januari hingga Jun, secara bandingan tahun lepas dengan tahun ini enam bulan yang pertama, kadar jenayah memang sudah naik sebanyak 45.44%. Ini nampak satu peningkatan yang tinggi.

Tetapi saya ingin menerangkan selanjutnya supaya jangan kita menakutkan orang, iaitu keadaan itu sudah pun terkawal dan kadar ini telah pun diturunkan, iaitu kalau kita tengok bulan-bulan yang lalu, iaitu kalau kita banding Mac dengan Jun tahun ini, ini pun satu trend penting penting kita kena kaji. Mac tahun ini indek jenayah adalah 13,934 kes dilaporkan. Tetapi sehingga Jun kes ini sudah menurun pada 11,000 lebih, iaitu penurunan adalah 19.7%, ada penurunan. Pada masa yang sama kalau kita banding Mei dengan Jun pun ada nampak penurunan kadar sebanyak 4.68%, pengurangan bulan dengan bulan dalam tahun ini. Maknanya, pihak polis sudah bersiap sedia dan sentiasa berjaga-jaga. Sebab itulah langkah-langkah yang saya terangkan itu adalah penting, kita tidak boleh hanya harap polis sahaja buat segala-galanya. Kita perlukan komuniti kesedaran, semuanya sama-sama membanteras jenayah. Kita yakin kadar ini boleh dikawal dan diturunkan lagi kalau kalau dapat kerjasama yang penuh.

DARIPADA IPO – KEDUDUKAN

7. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan syarikat-syarikat tersenarai di BSKL yang mana saham-saham mereka berada di bawah atau lebih rendah dari Initial Public Offer (IPO) dengan menyebut bilangan syarikat nilai sesaham semasa dan bagaimanakah usaha dibuat untuk mengembalikan semula kedudukan paras dan nilai tiap pada harga asal.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, sentimen pasaran dan harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran seperti kegawatan nilai mata wang serantau yang memberi kesan negatif kepada nilai mata wang ringgit dan prestasi pasaran saham serantau. Faktor dalaman seperti kekurangan kecairan dalam sistem ekonomi yang memberi tekanan ke atas kadar faedah yang tinggi memberi kesan negatif juga kepada prestasi keuntungan syarikat tersenarai yang menyebabkan harga saham bagi beberapa syarikat diniagakan di bawah harga tawaran pertama, iaitu IPO.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, kesemua 97 syarikat baru yang telah disenaraikan di BSKL dalam tempoh Januari 1997 hingga 30 Jun 1998 diniagakan di bawah harga tawaran, malahan ada di antara harga semasa saham-saham syarikat tertentu diniagakan sehingga 74% di bawah harga tawaran pertama. Usaha untuk memperkukuhkan harga-harga saham melibatkan langkah memperteguhkan syarikat-syarikat tersenarai dan mengembalikan semula keyakinan pelabur termasuk membenarkan syarikat tersenarai mengumpul dana melalui terbitan bon bagi mempertingkatkan prestasi syarikat dan menggalakkan penggabungan antara syarikat-syarikat bagi memperkuatkan lagi operasi dan kedudukan kewangan mereka.

Proses pengukuhan ataupun dengan izin, consolidation ini adalah perlu terutama bagi syarikat tersenarai yang berada dalam sektor yang mengalami tekanan akibat daripada kegawatan ekonomi seperti sektor pembinaan. Bagi mengembalikan semula keyakinan pelabur ke atas pasaran saham, langkah yang diambil

termasuklah meminda syarat-syarat penyenaian berhubung dengan urusan dengan pihak-pihak yang berkaitan dan berkepentingan serta mempertingkatkan amalan-amalan terbaik pengurusan korporat di kalangan syarikat-syarikat yang tersenarai itu.

Tuan Tan Kok Wai: Soalan yang saya ingin timbul di sini ialah mengapakah kemasukan dana-dana asing masih belum berjaya memulihkan BSKL, sedangkan kerajaan berkata ia telah berusaha menarik mereka kembali ke pasaran tempatan. Berapakah bilangan syarikat-syarikat tersenarai yang disuntikkan dana asing, dan apakah tindakan dan langkah yang diambil oleh kerajaan jika nilai setiap saham itu terus jatuh?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal mengapakah dana-dana asing tidak masuk ke dalam BSKL walaupun harganya adalah harga yang baik sekarang ini kalau hendak dibeli. Jawabnya ialah kebanyakan dana-dana asing ini telah pun disalurkan kepada sumber ataupun pasaran-pasaran lain seperti Eropah Timur dan Latin Amerika. Jadi, wujudnya dana-dana asing untuk disalurkan ke daerah ini ataupun ke rantau ini adalah terhad dan juga disebabkan oleh paras keyakinan terhadap bursa-bursa saham di rantau ini adalah masih rendah, maka dana-dana asing kebanyakannya ditumpukan di Amerika Syarikat, di Eropah Timur dan juga di Latin Amerika Selatan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat berapakah syarikat-syarikat dalam BSKL yang disuntik oleh dana asing tidak boleh saya jawab berapa banyak. Tetapi yang dapat kita tahu bahawa dana-dana asing yang disusun untuk datang ke BSKL telah ada, iaitu didayautamakan oleh kumpulan dari Taiwan dan mereka sedang melihat kaunter-kaunter portfolio mana yang boleh dibeli dan insya-Allah jikalau masalah faktor-faktor yang menurunkan keyakinan kepada pasaran serantau seperti soal politik di Jepun dan juga kemungkinan negara Cina tidak menurunkan nilai mata wang mereka dapat dipastikan tidak menjadi faktor lagi, maka insya-Allah keyakinan ini akan dinaikkan. Jadi, sama-samalah kita tunggu supaya kedudukan

rantau sebenarnya akan bertambah baik dari segi sentimen dan juga dari segi kekuatan bursa-bursa saham itu sendiri.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ada saham-saham yang berharga lebih murah daripada harga sekeping roti canai. Soalan saya, bagaimanakah kedudukan saham-saham yang dipegang oleh bumiputera. Berapakah peratusan penurunan pegangan saham-saham berkenaan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya tidak makan roti canai berapa harga sekeping roti canai saya tidak tahu. Jadi, kalau saya tengok dalam senarai yang diberi oleh pegawai kepada saya banyak sahamnya adalah di bawah paras RM1.00. Jadi, kalau roti RM1.50 mungkin apa Yang Berhormat kata itu betul.

Mengenai dengan kaunter-kaunter bumiputera tidaklah dapat saya memberi berapa bilangan kaunter bumiputera yang mengalami masalah ini. Tetapi senarai ini untuk saya baca terlalu panjang, 97 syarikat. Di dalam 97 syarikat itu kebanyakannya adalah di dalam papan yang kedua. Kita tahu bahawa majoriti papan kedua itu adalah syarikat bumiputera. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak mengetahui dengan terperinci, saya boleh edarkan senarai 97 syarikat ini yang mana sahamnya adalah di bawah harga sekeping roti canai.

PROJEK JALAN KAMPUNG – PEMILIHAN KONTRAKTOR

8. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bagaimanakah pihaknya memantau pelaksanaan Projek Jalan Kampung (PJK) yang akan diteruskan secara konsep payung memandangkan kontraktor-kontraktor kelas F yang bakal dipilih adalah yang disyorkan oleh Pejabat Daerah. Bukankah kaedah pengundian boleh mengurangkan kemungkinan penyelewengan dan bagaimana pula kementerian dapat memastikan tidak berlaku proses Ali Baba dalam kerja-kerja berkenaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, pemilihan kontraktor anak payung adalah dibuat berdasarkan syor yang dikemukakan oleh Pejabat Daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri

disebabkan hanya pihak berkenaan sahaja yang lebih mengetahui latar belakang dan prestasi syarikat-syarikat kelas F di peringkat daerah. Semasa memohon senarai daripada Pejabat Daerah ataupun Pejabat Pembangunan Negeri, kementerian telah menetapkan ciri-ciri kontraktor yang boleh dipertimbangkan umpamanya kontraktor yang mempunyai rekod kerja yang bersih, berpotensi dan melaksanakan sendiri kerja yang diagihkan. Bagi memastikan anak payung yang dipilih tidak mengalibabakan projek yang ditawarkan, kementerian melalui syarikat payung dan perunding telah mengambil tindakan berikut:

- (i) memberi amaran kepada anak payung bahawa nama mereka akan digugurkan dari senarai sekiranya mengalibabakan projek;
- (ii) kontraktor payung akan memberi bantuan bahan binaan dan peralatan jentera kepada anak payung yang tidak berkemampuan dan syarikat payung dan syarikat perunding akan mengawal selia kerja-kerja yang dijalankan oleh anak payung bagi memastikan kerja dilaksanakan sendiri oleh anak payung yang dipilih.

Di peringkat kementerian, satu jawatankuasa pemantauan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri bermesyuarat setiap bulan bagi tujuan mengesan kemajuan pelaksanaan projek dan mengetahui isu dan masalah di peringkat projek. Jawatankuasa ini turut dihadiri oleh semua kontraktor payung dan syarikat perunding yang terlibat dengan PJK konsep payung. Selaras dengan keputusan kerajaan untuk memberhentikan pelaksanaan secara konsep payung, mulai tahun 1998 syarikat payung tidak akan lagi dilantik. Walau bagaimanapun, untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program dan mutu jalan, khidmat perunding akan dikekalkan dan pemilihan kontraktor kelas F akan dibuat melalui proses runding.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Soalan tambahan. Di bawah konsep ini berapa panjangkah jalan yang akan dibuat sepanjang tahun ini dan adakah kegawatan ekonomi ini akan menjejaskan pelaksanaannya?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun ini 1,794 kilometer jalan akan dibina dan kegawatan ekonomi tidak akan terjejas, kita akan teruskan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang benar konsep payung ini akan datang ini akan dibatalkan, tetapi yang telah diluluskan saya difahamkan akan dilaksanakan setakat yang telah dibuat keputusan. Persoalan yang saya hendak bangkitkan bagaimana pembahagian keuntungan antara bapa payung, kontraktor payung besar dengan anak payung ini? Siapa yang akan menentukan keuntungan ini. Adakah ia ditentukan oleh payung besar tadi ataupun anak payung. Bagaimana cara pembahagian keuntungan yang akan dibuat? Kerana saya ada menerima rungutan daripada bawah bahawa sebahagian besar daripada keuntungan itu masuk kepada bapa payung. Jadi, anak payung yang kontraktor kelas F sebenar yang melaksanakan kerja ini dia dapat untung sedikit sahaja. Sila beri penjelasan.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, ini saya ingat luar daripada bidang kuasa kementerian saya. Jika anak payung mampu buat kerja dengan RM10.00 pun payung suka negeri. *[Ketawa]* Apa kita boleh buat. Payung hendak cari untung, anak payunglah kerja. Kita tidak boleh campur tangan dalam hal urusan ini. Kerana ini daripada Kementerian Kewangan, mereka akan boleh ada satu garis panduan. Kita hanya penyeliaan. Tugas kementerian hanya penyeliaan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Emak payung tidak adakah? *[Ketawa]*

9. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rasional pembinaan ‘mahligai’ di Putrajaya yang dikatakan bakal menjadi kediaman Perdana Menteri di Putrajaya dengan nilai RM200 juta dan juga sebuah ‘mahligai’ bakal didiami oleh Timbalan Perdana Menteri di kawasan yang sama.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian pada tarikh 22 Julai.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putrajaya adalah merupakan kediaman rasmi di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang sedang dalam pembinaan. Ianya dirancang untuk kegunaan sepanjang masa dan kerajaan tidak berhasrat untuk membina kediaman rasmi Perdana Menteri dari semasa ke semasa. Rancangan kediaman rasmi ini telah mengambil kira taraf dan kedudukan Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan yang sekali gus mencerminkan kedaulatan dan kehebatan negara Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar, saya ulangi adalah tidak benar nilai kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memecah angka RM200 juta. Kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengandungi dua komponen, iaitu rumah rasmi dan kemudahan-kemudahan awam. Kemudahan-kemudahan awam ini merangkumi dewan bankuet, bilik-bilik mesyuarat, kemudhan bilik menunggu, kemudahan bagi bilik akhbar dan orang-orang kenamaan dan juga kemudahan bagi negarawan-negarawan asing yang mengunjungi Malaysia. Dalam erti kata lain, ianya satu pembinaan yang banyak menekankan kepada ciri-ciri kemudahan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kos pembinaan rumah kediaman rasmi Perdana Menteri yang sebenar adalah dianggarkan RM17 juta sahaja.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih kepada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam pilihan raya di

Perlis baru-baru ini seorang penceramah PAS telah menyatakan secara terbuka bahawa kos pembinaanya ialah RM200 juta dan kos pembinaan rumah Timbalan Perdana Menteri pun RM200 juta. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri nyata suatu fitnah yang amat besar. Jadi, bahaya fitnah melalui ceramah terbuka begitu hebat sekarang. Apakah pihak kerajaan bersedia untuk mengambil tindakan di bawah seksyen 499, iaitu fitnah jenayah. Saya percaya pihak polis ada mendengar ucapan tersebut. Sekarang ini tindakan hanya melalui saman sivil, yang mana penceramah sanggup menjadi seorang bankrup. Tetapi undang-undang negara kita menyebut dengan jelas bahawa yang membyat fitnah ini boleh dilakukan kesalahan jenayah di bawah seksyen 499 Kanun Keseksaan. Oleh kerana bahaya ucapan-ucapan seperti ini mengelirukan orang ramai, saya berpendapat bahawa tiba masanya kerajaan bertindak di bawah Kanun Keseksaan ini menjadikan ini sebagai satu kesalahan jenayah. Apakah persediaan kerajaan dari segi ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam cadangan itu kita akan mengambil ingatanlah. Tetapi saya hendak menyatakan bahawasanya kerja untuk mengelirukan orang ramai memang kerja dia 'somo'. Sesungguhnya, saya berasa malu kerana yang membuat tohmahan ini adalah daripada golongan orang yang beragama Islam. Sedangkan kalau mereka sendiri mengetahui memang banyak sekali hadis-hadis ataupun nas yang menyatakan fitnah itu amat bahaya. Antaranya hadis yang menyatakan Nabi sendiri tidak mengaku manusia semacam ini sebagai umatnya, bukan daripada kalangan aku manusia yang empat, yang saya katakan manusia "DALU" yang membuat kenyataan, tuduhan fitnah berasaskan perasaan "D", dengki, dengan niat "A" - adu domba 'L' yang melalui "laknat", maki hamun orang, dan akhirnya 'U' umpat-mengumpat, aib-mengaib. Saya rasa inilah umat Islam yang serendah-rendah umat. Saya rasa biarlah tindakan itu diambil di akhirat daripada sekarang ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sebelum saya bertanya, saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Tun

yang mendapat penghormatan tertinggi. *[Ketawa]* Memang kena pada tempatnya, ayahanda kita. Pertamanya, saya minta daripada Timbalan Menteri, kerana parti pembangkang terutama sekali PAS mereka bukan berapa erti sangat. Mereka tidak erti sebab itu mereka mengumpat, mereka fitnah dan sebagainya. Cuba Yang Berhormat tolong terang kepada terutama sekali kepada Yang Berhormat dari Arau yang baru masuk, saya sudah lama faham apa itu Putrajaya. Jadi, Yang Berhormat tolong terang kepada yang tidak faham dan buat-buat tak faham, hak yang telinga kurang baik bahawa kebaikan Putrajaya yang akan dibuat oleh kerajaan ini adalah untuk menyelamatkan kos dan juga untuk jangka masa panjang Malaysia. Jadi, beri tahu kepada mereka supaya mereka faham, dan kita beritahu kepada rakyat yang tidak faham tentang masalahnya. Soalannya tolong beritahu. *[Ketawa]*

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada apa saya hendak terangkan. Kepada ahli Barisan Nasional yang mahu mengerti sudah pun mengerti. Kepada mereka yang tidak mengerti macam mana banyak kita terang pun tidak akan mengerti kerana kadang-kadang manusia itu buta mata, tetapi yang teruknya adalah insan yang buta hati.

KEBENARAN MENAIKKAN HARGA RUMAH KOS RENDAH – GARIS PANDUAN

10. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah syarat-syarat dan garis panduan yang diberi kepada syarikat-syarikat pemaju berkaitan dengan kebenaran kerajaan menaikkan harga rumah kos rendah mengikut kawasan dan bagaimanakah kementerian memastikan rakyat berpendapatan rendah tidak terlepas peluang memiliki rumah terutama di kawasan bandar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta keizinan untuk menjawab soalan ini serentak dengan empat soalan yang lain, kerana soalan tersebut adalah berkaitan dengan tajuk yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Tuan Peter Chin Fah Kui: Chin Fah Kui: Soalan-soalan berkenaan adalah dua pada hari ini, iaitu nombor 18 daripada Yang Berhormat Dato' Hon Choon Kim dan soalan nombor 20 daripada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng dan dua soalan lagi yang dijadualkan untuk dijawab pada 27 Julai 1998, iaitu nombor 30 daripada Tuan Chia Kwang Chye dan nombor 31 daripada Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga jualan rumah kos rendah sebanyak RM25,000 seunit semenjak tahun 1982 tidak lagi sesuai dan tidak mencerminkan kos sebenar pembinaan rumah kos rendah. Dalam situasi sekarang dan sepertimana yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 10 Jun 1998 faktor kenaikan harga jualan rumah meningkat adalah dipengaruhi oleh faktor kenaikan kos tanah, kos penyediaan infrastruktur, kos penyediaan kemudahan-kemudahan awam, peningkatan harga bahan-bahan pembinaan dan kenaikan harga upah buruh. Hal ini telah membebankan pihak pemaju untuk membekalkan rumah kos rendah yang mencukupi kerana tidak mendapat pulangan yang setimpal terutama di kawasan-kawasan perbandaran. Namun demikian, rumah kos rendah yang berharga RM25,000 seunit di kawasan-kawasan tertentu masih dikekalkan. Ini memandangkan masih terdapat sebilangan besar golongan sasar yang berpendapatan antara RM500-RM1,000 sebulan yang memerlukan rumah kos rendah jenis ini. Bagi golongan berpendapatan rendah iaitu bahawa RM500 sebulan, kerajaan telah menyediakan rumah-rumah untuk disewa seperti di bawah Program Perumahan Rakyat dengan peruntukan dana RM600 juta atau Program Perumahan Khas yang akan dijadikan program berterusan dalam Rancangan Malaysia.

Syarat-syarat dan garis panduan rumah kos rendah yang telah dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk diikuti oleh pemaju adalah seperti berikut:

- keluasan lantai di antara 48 meter persegi sehingga 60 meter persegi;

- mengandungi tidak kurang daripada tiga bilik tidur dengan keluasan seperti:
 - (i) bilik tidur satu tidak kurang daripada 10.8 meter persegi;
 - (ii) bilik tidur kedua tidak kurang daripada 9 meter persegi;
 - (iii) bilik tidur ketiga tidak kurang daripada 6.3 meter persegi;
 - (iv) ruang dapur tidak kurang dari 4.5 meter persegi;
 - (v) ruang tamu dan ruang makan disediakan sama ada berasingan atau bersekali dengan keluasan yang mencukupi dan sesuai dengan susun atur dalaman yang disediakan.
- (e) bilik mandi dan tandas disediakan berasingan. Ruang-ruang tandas dan bilik mandi hendaklah tidak kurang daripada 1.5 meter x 0.375 meter tiap-tiap satu; dan
- (f) ruang menyimpan barang dan ruang legar yang mencukupi hendaklah disediakan bagi keselesaan penghuni.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga rumah kos rendah tidak bertentangan dengan agenda sosial kerana semua kepentingan golongan berpendapatan rendah telah pun diambil kira. Bagi golongan yang tidak mampu membeli rumah kerajaan telah dan akan membina lebih banyak rumah untuk disewa. Kerajaan juga akan mengkaji program yang bersesuaian untuk membolehkan mereka memiliki rumah.

Kenaikan harga rumah kos rendah tidak memberi kesan kepada kadar inflasi kerana pada masa sebelum ini, harga rumah kos rendah telah diserap oleh harga rumah kos sederhana dan tinggi melalui cara subsidi silang.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapakah

bilangan rumah kos rendah yang telah disediakan di bawah konsep ini dan di samping itu nyatakan pecahannya mengikut negeri-negeri.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat boleh memberi jawapan secara bertulis kerana masa kita sudah cukup.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, okey.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.1 dan 11 hingga 74 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1992; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[13 Julai 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat dari Bukit Mertajam menyambung ucapan dan selepas ini Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

3.38 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk menyambung ucapan saya kelmarin.

Berkaitan dengan Fasal 3 Rang Undang-undang ini yang menyatakan bahawa:

“11A. Tiada seorang pun boleh menjadi anggota Majlis, atau mana-mana Jawatankuasa, bagi Institut atau sesuatu jawatankuasa bagi mana-mana cawangan Institut melainkan jika dia seorang warganegara.”

Memang kerajaan tidak menafikan kepakaran ahli-ahli kimia daripada seberang laut seperti ahli-ahli kimia, ahli patalogis, ahli biokimia, dari luar negara yang dijemput datang ke Malaysia untuk memberi bantuan dalam usaha menangani masalah racun ‘loh see fun’ di Perak, penyakit taun, coxsackie dan sebagainya yang berlaku di negara kita ini. Dalam masa-masa kecemasan seperti masa itu, bantuan pakar-pakar seberang laut memang diperlukan dan bantuan daripada organisasi seperti WHO diperlukan juga. Tetapi bagi sebuah negara yang berhasrat menuju ke arah tahap kemajuan yang lebih cemerlang seperti Malaysia kita perlu mencari jalan melatih sumber manusia, ahli-ahli kimia yang diperlukan untuk menangani masalah sendiri dan untuk memberi galakan kepada sumber manusia tempatan, peluang kepimpinan dan pengalaman pengurusan pentadbiran mesti diberikan kepada ahli-ahli kimia tempatan.

Ahli-ahli kimia Malaysia mesti diberi peluang supaya memimpin kerjaya ini, tetapi pakar-pakar ahli kimia dari seberang laut mungkin boleh diberi peluang berkhidmat untuk negara ini secara kontrak, tetapi bukan duduk dalam majlis ataupun jawatankuasa-jawatankuasa. Ini adalah sesuai dengan pembangunan negara kita sebagai sebuah negara yang maju dan saya menyokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.40 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998.

Saya berpendapat Rang Undang-undang ini merupakan suatu Rang Undang-undang yang penting kerana ramai Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam membahaskannya, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam akta ini adalah merupakan ciri asas bagi meningkatkan profesionalisme dan keberkesanan pelaksanaan akta ini. Pindaan akta ini antara lain melibatkan penambahan satu seksyen baru iaitu seksyen 11A selaras dengan dasar kerajaan yang tidak membenarkan warganegara asing menjadi anggota majlis atau mana-mana jawatankuasa bagi institut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keanggotaan institut pada masa ini ialah seramai 1,778 orang dan dari jumlah ini seramai 23 orang adalah warganegara asing.

Kerajaan telah memutuskan bahawa semua akta yang mentadbir badan-badan profesional menetapkan jawatan dalam badan-badan tersebut hendaklah dipegang oleh warganegara Malaysia.

Memandangkan pindaan ini melibatkan dasar kerajaan, maka ianya tidaklah dianggap remeh dan membuang masa, seperti mana dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Kerajaan Barisan Nasional amat peka terhadap keperluan semasa serta memberi peluang kepada semua pihak termasuk pembangkang mengeluarkan pendapat dan dengan demikian masa yang mencukupi diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat membahaskan Rang Undang-undang ini. Ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada Barisan Nasional sedar akan tanggungjawab mereka serta prihatin terhadap isu-isu yang berkaitan dengan bidang kimia yang selama ini dianggap terlalu teknikal.

Perkara-perkara dan isu-isu yang dibangkitkan oleh lapan orang Ahli Yang Berhormat merupakan isu-isu yang dianggap asas, yang boleh digunakan oleh kerajaan sebagai bantuan bagi melaksanakan akta ini selaras dengan dasar kerajaan untuk menerima teguran, cadangan dan idea bagi pembangunan negara yang lebih berkesan. Dalam melaksanakan sesuatu dasar kerajaan, pandangan Ahli Yang Berhormat sama ada dari pihak pembangkang atau kerajaan selalu diambil kira. Dalam hal ini saya sangat mengalu-alukan pandangan dan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan perkara itu akan diberi perhatian dalam melaksanakan akta tersebut supaya ianya lebih berkesan selaras dengan maksud penubuhannya. Oleh itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas usaha dan pandangan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan seperti berikut:

Ahli Yang Berhormat dari Machang telah mencadangkan supaya cawangan jabatan kimia ditubuhkan di tiap-tiap buah negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kimia Malaysia yang beribu pejabat di Petaling Jaya mempunyai lapan makmal cawangan iaitu di Kuala Terengganu, Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching dan Bintulu. Satu makmal baru sedang dibina di Melaka untuk mengendalikan kes-kes di Melaka dan Negeri Sembilan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, tiga lagi makmal dirancang untuk dibina iaitu di Kota Bharu, Alor Setar dan Sibu. Tapak tanah telah diperolehi untuk pembangunan makmal-makmal tersebut. Ini bermakna setiap negeri akan mempunyai sebuah makmal cawangan kecuali Negeri Sembilan dan Perlis. Bagi Negeri Sembilan dan Perlis permohonan akan dibuat kemudian.

Mengenai masalah kekurangan ahli kimia di Terengganu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini makmal cawangan Kuala Terengganu mempunyai enam ahli kimia.

Mereka ini boleh mengendalikan kes-kes dadah atau kes-kes lain. Apabila disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan nanti, Jabatan Kimia Cawangan Kota Bharu akan mengendalikan kes-kes di Kelantan.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah menyentuh sama ada kemudahan yang terdapat di Jabatan Kimia Bintulu mencukupi. Mengenai perkara ini sukacita saya memaklumkan bahawa saya telah melawat makmal ini pada 18 Oktober 1997 dan saya amat berpuas hati dengan kemudahan yang terdapat di makmal ini.

Laporan analisis dikeluarkan mengikut Piagam Pelanggan. Bagi tahun 1997 peratus laporan yang menepati Piagam Pelanggannya ialah 99%. Pencapaian sehingga Jun 1998 ialah 99.2%, dengan ini menunjukkan bahawa piagam ini telah tiga kali disemak dengan tujuan untuk memendekkan tempoh penyediaan laporan.

Memandangkan makmal ini mempunyai kakitangan yang kecil iaitu tiga ahli kimia dan empat pembantu makmal sahaja, prestasi yang dihasilkan adalah amat memuaskan. Mereka akan terus berusaha meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggannya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam membangkitkan kekeliruan mengenai istilah 'ahli kimia' dan 'ahli farmasi'. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Ahli Kimia 1975, takrif 'ahli kimia' di Malaysia adalah jelas sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.

Di Malaysia, seseorang hanya dianggap sebagai seorang ahli kimia profesional sekiranya beliau menjadi ahli IKM. IKM bertanggungjawab sepenuhnya mengadakan peraturan-peraturan untuk profesion ahli kimia di negara ini.

Akta Ahli Kimia 1975 melarang seseorang yang tidak didaftarkan di bawah akta ini mengemukakan dirinya sebagai ahli kimia berdaftar dan terdapat syarat-syarat berkaitan analisis kimia sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 23(2) dalam Akta Ahli Kimia.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, Bukit Mertajam dan juga Lumut membangkitkan mengenai paras sisa racun makhluk perosak dalam sayur-sayuran dan buah-buahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi sayur-sayuran dan buah-buahan untuk kegunaan tempatan, Jabatan Kesihatan mengambil contoh dari pasaran dan pintu masuk dan menghantar ke Jabatan Kimia termasuk di makmal-makmal cawangan Bintulu dan Kuching untuk analisa di bawah Akta Makanan 1983.

Racun perosak yang biasa didapati ialah 'metamitophose' dan 'cropryphose'. Daripada 1,292 contoh yang dianalisa di makmal ibu pejabat, hanya 160 mengandungi paras yang melebihi had dalam Akta Makanan. Contoh sayur-sayuran dan buah-buahan di Sarawak juga dianalisa oleh Jabatan Pertanian Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Bintulu, Makmal Jabatan Kimia Bintulu dalam tahun 1997 telah menguji 157 sampel sayur-sayuran, 21 sampel tidak menepati piawaian Akta Makanan 1983.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, kandungan formalin dalam kebanyakan contoh-contoh ikan yang dihantar oleh Jabatan Kesihatan didapati tidak melebihi paras yang dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983. Umpamanya kesemua 156 contoh ikan yang dianalisis di makmal ibu pejabat didapati tidak mengandungi formalin.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bangun hendak bertanya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai soalan penganalisa barang-barang makanan yang kita terima daripada luar negeri, umpamanya di Sarawak kita banyak mengimport, walaupun saya percaya ia dibuat menerusi cara yang betul, tetapi barang ini banyak dibawa daripada Kalimantan, Indonesia umpamanya preserved fruit. Barang-barang ini sudah dijual merata-rata pasar,

kedai, supermarket dan sebagainya di seluruh Sarawak bahkan sudah menjadi satu trend dalam masa tiga tahun ini preserved fruit ini menjadi satu makanan yang disukai ramai, sedap dan enak. Tetapi soalnya sama ada preserved fruit yang kita terima dari Kalimantan, Indonesia ini mengandungi preservative tidak ada kesan sampingan dan sebagainya - belum kita tahu. Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai orang yang menangkap ikan dengan menggunakan racun dan bom. Jadi, sebagai garis panduan kepada orang yang pergi ke pekan dan ke kedai membeli ikan, dia kata kalau kita nampak udang itu matanya kelabu, jangan beli, kerana ia mungkin ditangkap dengan menggunakan racun. Oleh itu, pihak penguatkuasaan daripada Jabatan Kimia ini mungkin tidak ada, jadi apakah tindakan kerajaan supaya rakyat kita tidak makan makanan yang beracun, tidak makan makanan yang ada kesan sampingan jangka panjang dan keselamatan kesihatan negara kita terjaga. Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas dua soalan itu. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, jikalau pegawai dari Jabatan Kesihatan mengambil contoh dari makanan-makanan yang diawet (preserved), Jabatan Kimia akan menjalankan penganalisaan ke atas bahan-bahan itu dan kemudiannya barulah kita mengetahui makanan itu mengandungi bahan-bahan yang tidak dibenarkan untuk dimakan oleh manusia.

Keduanya, mengenai ikan atau udang yang ditangkap dengan meracunkan ikan-ikan atau udang-udang ini. Ini adalah pihak berkuasa yang boleh menentukan mana satu pihak yang akan menjalankan penguatkuasaan undang-undang ini. Sekiranya terdapat, satu cara yang berkesan sekali ialah menasihatkan pengguna-pengguna mengelakkan membeli atau memakan ikan-ikan yang tidak diketahui sumber datangnya. Ini adalah satu cara yang sangat berkesan, selain dari penguatkuasaan undang-undang ini. Kita juga tahu bahawa ini adalah satu masalah yang serius yang selalu berlaku dibanyak tempat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan jawapan saya. Ahli Yang Berhormat dari Sipitang telah membangkitkan isu barangan makanan tidak

berkualiti, 'the rejected goods' yang dihantar ke Malaysia dan menyebabkan Malaysia sebagai tempat dumping ground. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Malaysia terdapat sistem bagi mengawal barangan makanan yang diimport di mana Kementerian Kesihatan mengambil sampel-sampel di pintu masuk dan menghantar ke Jabatan Kimia untuk analisa mengikut kehendak Akta Makanan 1983. Contoh barangan makanan yang ditolak oleh Kementerian Kesihatan berdasarkan analisa Jabatan Kimia ialah kurma (date) yang mengandungi kumbang, kuih lapis Indonesia mengandungi asid 'benzoic' dan asid sobik dan gula-gula import dari Eropah mengandungi pewarna yang tidak dibenarkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang membangkitkan perkara pertukaran pendapat ahli kimia negara lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Kimia Malaysia sebagai ahli, dengan izin, Federation of Asian Chemical Societies (FACS), memainkan peranan aktif untuk meningkatkan perkembangan bidang kimia antarabangsa dan IKM juga menganjurkan seminar-seminar atau persidangan-persidangan antarabangsa tahunan seperti Malaysia Chemical Congress (MCC) yang biasanya dihadiri oleh peserta-peserta dari luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Machang membangkitkan bahawa ahli kimia dari Kuala Terengganu menghadiri kes mahkamah di Kota Bharu, kadangkala mengambil masa selama satu minggu untuk memberi keterangan pakar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi amalan bagi ahli kimia yang disepina ke mahkamah membuat persetujuan dengan pihak pendakwa supaya memanggil ahli kimia sebagai saksi pertama.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut menggalakkan Jabatan Kimia menambah nilai perkhidmatan atau memberi value-added service dengan menjalankan penyelidikan dan pembangunan dan mengeluarkan produk-produk tempatan seperti racun serangga, baja, ubat yang mahal jika diimport.

Untuk Ahli Yang Berhormat, peranan utama Jabatan Kimia ialah memberi perkhidmatan analisa. Walau bagaimanapun, dalam corporate plan jabatan

penyelidikan dan pembangunan diberikan penekanan. Kini Jabatan Kimia telah memulakan beberapa projek penyelidikan berkaitan dengan alam sekitar.

Mengenai kawalan bahan farmasi, ini adalah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia memberi khidmat sokongan analisa. Aktiviti Jabatan Kimia terbahagi kepada lima bidang seperti berikut:

- (i) perkhidmatan kesihatan alam sekitar, meliputi analisa bahan tambahan dan bahan pencemar dalam makanan; kualiti makanan; reschedule racun perosak; simbol alam sekitar; simbol kesihatan; cara kerja; dan kualiti bekalan air minuman;
- (ii) perkhidmatan forensic meliputi analisa dadah berbahaya, ujian toksikologi, profile DNA, siasatan jenayah dan pemeriksaan dokumen;
- (iii) perkhidmatan industri terlibat dengan analisa produk industri terutamanya tender dan bekalan kontrak kerajaan di samping keselamatan kesihatan pekerjaan serta perlindungan pengguna;
- (iv) perkhidmatan tarif dagangan mengendalikan analisa berbagai barangan yang diimport dan keluaran tempatan untuk tujuan klasifikasi tarif; dan
- (v) perkhidmatan penilaian makmal yang bertanggungjawab ke atas peningkatan status dan taraf makmal-makmal ujian kimia di negara ini bagi memastikan mereka mematuhi kriteria skim akreditasi makmal Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut membangkitkan 'tox test' dijalankan untuk sokong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat 'tox test' ini dijalankan oleh Drug Control Centre yang bertempat di Universiti Sains Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera ingin mengetahui bilangan ahli kimia yang bertugas di loji pengurusan bahan toksid kualiti alam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat ahli kimia yang terlibat dalam operasi loji.

Mereka telah diberi latihan yang sesuai supaya menjalankan operasi loji itu dengan sempurna. Dua ahli kimia berdaftar dengan IKM manakala dua lagi ahli kimia baru belum mendaftar dengan IKM.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang ingin mengetahui jumlah keanggotaan IKM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini keanggotaan IKM berjumlah 1,778 yang terdiri dari ahli fellow - 53; ahli associate - 1,166; ahli licenctiate - 559. Pecahan 23 anggota warganegara asing ialah:

Singapura	-	15
UK	-	2
India	-	2
Australia	-	1
Indonesia	-	1
New Zealand	-	1
Amerika Syarikat	-	1

Dari jumlah ini 18 ahli berada di luar negeri dan 5 berada di Malaysia, 3 ahli bertugas di universiti, 1 di sektor awam, 13 di sektor swasta dan 6 telah bersara.

Sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta mengemukakan pandangan dan cadangan di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira oleh Kementerian saya dalam melaksanakan akta ini. Sekiranya terdapat mana-mana perkara yang tidak sempat disentuh dalam jawapan ini, maka saya akan memastikan untuk memberi perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN DANAHARTA NASIONAL BERHAD 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.03 ptg.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk memberi kuasa kepada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad untuk mengambil alih pinjaman-pinjaman tidak berbayar dari institusi kewangan dan menggunakan prosedur pintas bagi memindah serta mendapatkan hak milik ke atas aset atau sekuriti yang disandarkan ke atas pinjaman dengan ketentuan pemilikan, seterusnya menguruskan pinjaman dan aset serta melaksanakan rancangan menyusun semula aset-aset dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sejak kegawatan ekonomi melanda rantau ini dan negara kita pada pertengahan tahun lepas, saya telah tiga kali membentangkan langkah-langkah tambahan di Dewan yang mulia ini bertujuan untuk memulihkan kestabilan ekonomi dan memperkukuh keyakinan terhadap sistem kewangan negara.

Secara khususnya berkaitan dengan sistem perbankan, antara lain, saya telah mengumumkan supaya peraturan pengkelasan pinjaman tidak berbayar

diperketatkan, mensyaratkan institusi perbankan memberi lebih banyak maklumat mengenai pinjaman tidak berbayar serta meningkatkan tahap peruntukan hutang ragu institusi perbankan dari 1% kepada 1.5% daripada jumlah pinjaman bersih tertunggak. Pelaksanaan langkah-langkah ini telah membantu untuk memastikan sistem perbankan kita terus kukuh. Namun demikian, akibat dari kegawatan ekonomi yang berterusan, bank-bank di negara ini menghadapi masalah pinjaman tidak berbayar yang kian meningkat. Ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman yang tinggi sebelum negara dilanda kegawatan.

Jika diimbak kembali sejak lima tahun kebelakangan ini kadar pertumbuhan pinjaman sistem perbankan secara purata telah meningkat sebanyak 21.6% setahun. Pinjaman berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar telah meningkat daripada 99% dalam tahun 1990 kepada 127.8% dalam tahun 1996. Sebelum krisis kewangan melanda negara pada bulan Julai 1997 jumlah pinjaman berbanding KDNK berjumlah 133.5%.

Di dalam ekonomi yang berkembang pesat kadar pertumbuhan pinjaman yang tinggi tidak membimbangkan malahan digalakkan memandangkan keupayaan peminjam untuk menjelaskan pinjaman tersebut tidak diragukan. Pemberi pinjam dan peminjam kurang memberi pertimbangan yang serius terhadap risiko yang dihadapi akibat pinjaman yang berlebihan kerana kemungkinan pinjaman ini menjadi pinjaman tidak berbayar adalah amat tipis. Tetapi apabila kegawatan ekonomi melanda negara, bank-bank yang dahulunya begitu ghairah menghulurkan pinjaman kini menjadi terlalu berhati-hati untuk memberi pinjaman baru kerana khuatir mereka akan menghadapi masalah pinjaman tidak berbayar.

Keraguan pihak sektor perbankan ini mempunyai asas kerana pinjaman tidak berbayar ataupun NPL bersih sistem perbankan telah meningkat daripada 4.7% pada akhir tahun 1997 kepada 8.5% pada akhir bulan Mei 1998 akibat krisis kewangan yang melanda. NPL yang tinggi serta kawalan kewangan yang ketat untuk menstabilkan nilai mata wang Ringgit menyebabkan kadar pertumbuhan pinjaman telah menurun dengan ketara. Walaupun Bank Negara Malaysia telah

menetapkan sasaran kadar pertumbuhan pada tahap 15% pada akhir tahun 1998, makluman sehingga Mei 1998 menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan yang dicatat ialah sebanyak 12% sahaja.

Ketidakupayaan sistem perbankan untuk menyalurkan kredit disebabkan terutamanya oleh peningkatan NPL, kadar faedah yang tinggi yang menyebabkan KDNK mengecut sebanyak 1.8% dalam suku tahun pertama 1998. Keadaan ini tidak boleh dibenarkan untuk berlarutan sehingga menghalang pertumbuhan negara disebabkan oleh ketiadaan pembiayaan. Dengan itu kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ataupun Danaharta dengan tujuan khusus untuk mengambil alih pinjaman tidak berbayar daripada institusi kewangan di Malaysia dan seterusnya menguruskan NPL serta aset-aset yang terbabit. Ini akan membolehkan institusi kewangan menumpukan perhatian dan usaha kepada aktiviti perbankan komersial yang biasa tanpa perlu memberi lebih tumpuan untuk mendapatkan kembali pembayaran ke atas hutang-hutang tersebut.

Danaharta akan membeli pelbagai jenis pinjaman, mendapat hak milik yang sempurna ke atas aset yang berkaitan dengan NPL dan memindahkan hak milik yang sempurna kepada pihak ketiga. Dengan menjual aset kepada Danaharta, bank dapat menggantikan NPL dengan wang tunai. Rundingan tentang harga jualan akan dijalankan secara komersial dan kedua-dua belah pihak, penjual dan pembeli, berurus niaga di atas kerelaan masing-masing.

Modus operandi Danaharta dalam urusan pengambilan alih NPL dan pemulihan aset bermasalah ialah melalui rancangan yang disediakan oleh Pentadbir Khas. Rancangan Pentadbir Khas dikemukakan kepada Danaharta yang kemudiannya akan menyerahkan rancangan tersebut kepada Penasihat Bebas untuk dinilai. Perlantikan Pentadbir Khas dan Penasihat Bebas perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Selia seperti mana diperuntukkan di bawah akta ini. Jawatankuasa Selia pula dilantik oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk berjaya mencapai objektifnya Danaharta perlu berupaya mengurus dan menyelesaikan pengambilan alih aset dan liabiliti dengan cepat dan berkesan. Dengan itu syarikat ini tidak boleh beroperasi seperti syarikat biasa dan dikongkong oleh peraturan dan perundangan transaksi perniagaan. Untuk tujuan ini, Danaharta akan ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan kuasa-kuasa yang akan diberikan oleh sebuah akta Parlimen. Status sebagai sebuah syarikat berkanun akan memberi Danaharta kelenturan dari segi perolehan sumber kewangan dan operasi di samping memberi kuasa undang-undang yang khusus bagi memenuhi objektifnya.

Danaharta menjangkakan operasi untuk mengambil alih NPL melalui peruntukan akta sedia ada dan prosedur biasa akan melewati proses pengambilan alih NPL dan aset yang berkaitan dengannya. Oleh yang demikian, bagi membolehkan Danaharta bergerak dengan cekap, cepat dan berkesan, ianya perlu mempunyai kuasa-kuasa tertentu di bawah sebuah akta Parlimen seperti berikut:

- (i) keupayaan mengambil alih pinjaman daripada institusi kewangan dengan menggunakan prosedur pintas bagi memindah dan mendapatkan hak milik ke atas aset atau sekuriti yang disandarkan dengan ketentuan pemilikan; dan
- (ii) keupayaan untuk menguruskan pinjaman dan aset serta melaksanakan rancangan semula aset-aset.

Justeru itu adalah difikir wajar kerajaan menggubal sebuah rang undang-undang dengan memberi kuasa-kuasa tertentu kepada Danaharta untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Secara ringkasnya, Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad memberi ketentuan hak milik ke atas aset yang diambil alih oleh Danaharta dan aset yang diperolehi itu akan terletak hak kepada Danaharta pada tarikh perolehan. Danaharta akan mengambil alih semua hak, hak milik dan kepentingan penjual aset setakat kepentingan terdaftar dan tuntutan serta mengambil alih

kewajipan tertentu yang harus dipenuhi ke atas aset tersebut seperti yang dizahirkan oleh penjual aset kepada Danaharta.

Peletakhakkan tersebut akan menghalang seseorang daripada membuat tuntutan terhadap Danaharta ke atas aset berkenaan kecuali jika tuntutan itu telah dizahirkan oleh penjual kepada Danaharta. Walau bagaimanapun, pemilih aset pinjaman masih mempunyai hak untuk membuat tuntutan kepada penjual aset itu jika haknya tidak dizahirkan oleh penjual aset semasa Danaharta mengambil alih aset berkenaan.

Rasional peruntukan ini ialah untuk membolehkan Danaharta mengambil alih dan jika perlu melupuskan aset dengan cepat, cekap dan berhemat. Danaharta perlu mempunyai keupayaan untuk mendapat dan memindahkan hak milik mutlak ke atas aset tersebut kepada mereka. Kegagalan berbuat demikian terutamanya apabila ia melibatkan aset-aset bermasalah akan mendedahkan Danaharta dan pihak yang membeli aset itu daripada Danaharta kepada risiko kewangan yang tidak teranggar dan proses perundangan yang berlarutan. Namun demikian, hak pemilik aset tetap terpelihara tetapi ia mesti dizahirkan semasa transaksi penjualan dibuat oleh Danaharta. Jika ia tidak dizahirkan, pemilik aset masih boleh membuat tuntutan daripada penjual aset.

Bagi menguruskan aset dan liabiliti yang diambil alih oleh Danaharta pula, kuasa-kuasa baginya diperuntukkan di bawah Bahagian VI. Bagi tujuan tersebut, sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Selia akan dilantik dan jawatankuasa ini diberi kuasa untuk meluluskan perlantikan Pentadbir Khas dan Penasihat Bebas.

Cara ini akan memberi ketelusan kepada proses pengambilan alih aset kerana Jawatankuasa Selia akan terdiri daripada seorang wakil masing-masing dari Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Jawatankuasa Selia akan secara berkecuali melantik Pentadbir Khas bagi menyediakan rancangan pemulihan. Tugas Pentadbir Khas pula berbeza daripada liquidator di dalam kes-kes penggulungan syarikat kerana di dalam kes Danaharta,

tugas Pentadbir Khas bukan untuk menggulung syarikat tetapi hanya setakat mencadangkan skim untuk mengambil alih, membaik pulih dan menjual balik pinjaman dan aset yang terlibat. Walau bagaimanapun, skim cadangan daripada Pentadbir Khas ini akan memerlukan penelitian dan pandangan daripada Penasihat Bebas. Penasihat Bebas ini akan dilantik di kalangan bank-bank perdagangan, firma akauntan dan ahli-ahli profesional. Langkah ini adalah proses pengambilan alih dan pemulihan mempunyai ciri-ciri, dengan izin, check and balance supaya semua cadangan diteliti oleh lebih dari satu pihak dan kepentingan pihak ketiga dipastikan tetap akan terpelihara.

Lain-lain peruntukan rang undang-undang ini melibatkan kuasa perlantikan Lembaga Pengarah, modal saham Danaharta, jaminan kerajaan ke atas pinjaman, pemakaian akta ke atas subsidiari yang efektif, peruntukan indemniti kepada kakitangan Danaharta dan peruntukan am lainnya. Bagi membolehkan Danaharta beroperasi dengan berkesan, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, seksyen 132G Akta Syarikat 1965 dan Akta Perbankan Islam 1983 tidak terpakai. Walau bagaimanapun, prinsip syariah dalam konteks Akta Perbankan Islam akan tetap dipatuhi mengikut perjanjian awal. Namun demikian, Danaharta akan menggunakan Akta Syarikat 1965, Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perbankan Luar Pesisir Labuan 1990 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 tetapi akan memohon untuk dikecualikan daripada beberapa peruntukan tertentu dalam akta-akta tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, buat permulaannya Danaharta akan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan dengan modal berbayar sebanyak RM250 juta. Danaharta dianggarkan akan memerlukan pembiayaan sebanyak RM25 bilion untuk membeli NPL daripada sistem perbankan di mana pinjaman-pinjaman yang akan dibuat oleh Danaharta melalui terbitan bon di pasaran modal domestik dan antarabangsa akan dijamin sepenuhnya oleh kerajaan. Pada peringkat awal kerajaan

akan membuat pinjaman di pasaran modal antarabangsa dan menyalurkan semula wang pinjaman tersebut kepada Danaharta. Ini adalah kerana pinjaman oleh kerajaan mempunyai risiko yang rendah dan boleh mendapat tawaran faedah pinjaman yang lebih menarik. Walau bagaimanapun, setelah Danaharta beroperasi dan mempunyai kredibiliti tersendiri yang teguh, mereka akan memperolehi pinjaman secara terus.

Dengan itu, saya tegaskan di sini bahawa Danaharta ditubuhkan dengan tujuan khusus untuk membantu institusi kewangan mengatasi masalah pengurusan NPL yang dihadapi oleh institusi perbankan. Dengan cara ini institusi kewangan dapat menumpukan semula perhatian kepada aktiviti peminjaman dan seterusnya menjamin sokongan pembiayaan berterusan bagi aktiviti ekonomi yang berdaya maju di dalam memulihkan ekonomi negara.

Oleh itu saya menekankan sekali lagi betapa pentingnya Danaharta ditubuhkan dan diberi kuasa tertentu sebagai salah satu langkah untuk memulihkan semula ekonomi negara kita. Penggubalan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta bertujuan memastikan supaya usaha Danaharta untuk memulihkan ekonomi negara melalui pemindahan NPL dan aset bermasalah dari sektor perbankan kepada sebuah entiti yang mampu menguruskan NPL dan aset tersebut secara profesional, telus dan berkesan. Justeru itu, institusi perbankan dapat menumpukan semula usaha mereka kepada aktiviti yang asal dan dengan itu akan menggalakkan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan undang-undang khas bagi pemerolehan, pengurusan, pembiayaan dan pelupusan aset dan tanggungan oleh Perbadanan, pelantikan pentadbir khas dengan kuasa untuk mentadbir dan mengurus orang-orang yang aset

dan tanggungannya telah diperoleh oleh Perbadanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Batang Lumar.

4.20 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang bercakap kepada saya, tidak banyak, sedikit sahaja.

Yang pertama, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menggubalkan satu undang-undang yang mana kita berharap boleh memberi pertolongan khusus kepada negara ini di dalam mentadbir dan mengurus masalah ekonomi negara. Saya berbahas dengan bertanya satu dua perkara.

Yang pertama, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapakah nisbah NPL yang dialami oleh institusi kewangan di negara kita pada masa sekarang. Selain daripada itu, saya tidak ingin bercakap berhubung dengan soalan ekonomi dan sebagainya tetapi saya ingin menyentuh sedikit soalan undang-undang ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada seksyen 16, iaitu Additional provisions on land. Sebagaimana yang kita telah maklum banyak undang-undang yang kita gubalkan di Parlimen, kadang-kadang kita tidak melihat implikasi terutama sekali dalam perundangan negeri. Dalam undang-undang ini adalah memberi kuasa kepada perbadanan ini supaya semua kuasa yang digubal di sini akan diguna pakai ke seluruh negeri, tetapi dalam peraturan Malaysia kita mempunyai tiga jajahan yang tertentu iaitu Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia yang mana mempunyai undang-undang yang tertentu dan di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang tertentu.

Kadang kala berlaku umpamanya Undang-undang Privatisation, dengan izin, yang mana undang-undang itu memberi kemudahan ataupun privilege kepada seseorang tetapi malangnya privilege itu tidak dapat dinikmati apabila berlaku di

Sarawak oleh kerana undang-undang di Sarawak itu adalah berlainan sedikit daripada undang-undang di Semenanjung ini.

Umpamanya kalau kita lihat dalam peruntukan Perlembagaan, Fasal 73 yang mengatakan ini Senarai untuk Persekutuan, ini Senarai untuk Sarawak dan ini concurrent Senarai umpamanya. Jadi Senarai concurrent ataupun Senarai bagi Persekutuan, pihak Parlimen berkuasa untuk membuat undang-undangnya sendiri untuk dilaksanakan di seluruh negara tetapi apabila terkena undang-undang Senarainya terletak di bawah bidang kuasa negeri, dengan sendirinya undang-undang yang kita gubal dalam Parlimen ini tidak mendatangkan kesan melainkan Perlembagaan itu digubal dahulu ataupun kebenaran daripada Dewan Undangan Negeri telah didapati di bawah peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Parlimen.

Saya amat bersetuju dengan penubuhan badan ini tetapi apa yang saya bimbang, apa yang kita buat di Semenanjung ini tidak dapat dilaksanakan selicinnnya di Sarawak oleh kerana adanya hak-hak ataupun batasan-batasan yang tertentu. Umpamanya kalau kita lihat dalam peruntukan seksyen 16, muka surat 24, saya baca dalam bahasa Inggeris kerana saya tidak ada teks dalam Bahasa Malaysia. Dalam ini mengatakan:

“the Registrar under the Land Code of Sarawak shall without the need for any further application or filing of any further document make a memorial on the register document of title and make such other entries and generally do all things as may be necessary to give effect to the vesting.”

Ini vesting harta. Apabila perundingan di antara Danaharta dengan pihak perbankan ataupun institusi kewangan dibuat daripada persetujuan dibuat di bawah undang-undang ini di antara dua badan ini dengan sendirinya vesting of asset yang dipegang oleh pihak bank akan berpindah milik kepada pihak Danaharta. Tetapi oleh kerana ada undang-undang tanah Sarawak yang mana pihak Parlimen tidak berkuasa untuk menggubal satu undang-undang di bawah peruntukan Perlembagaan, dengan sendirinya vesting ini telah bercanggah dengan

Perlembagaan melainkan keputusan ataupun kebenaran daripada kerajaan negeri ataupun Dewan Undangan Negeri telah diterima.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian tujuan utama bagi negeri Sarawak, ini mungkin tidak dapat direalisasikan melainkan pengurusan awal telah dibuat di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri dan Dewan Undangan Negeri telah memberi kebenaran. Oleh kerana ternyata sekali di bawah peruntukan Fasal 74 tidak dapat memberi kesan kepada kuasa Parlimen menggubal satu undang-undang berhubung dengan tanah di negeri Sarawak.

Tanah di negeri Sarawak juga ada satu perkara. Umpama tanah native yang mana pihak yang belum mendapat status native di Sarawak tidak akan menerima tanah itu dan bercanggah dengan Undang-undang Tanah di Sarawak walaupun ada dalam undang-undang ini mengatakan yang vesting itu tetap berlaku juga dan mana-mana treaty ataupun agreement yang dibuat oleh pihak Danaharta ini dengan badan-badan, pembeli atau orang yang menerima disposition daripada mereka akan juga menerima di bawah undang-undang ini, tetapi kalau Perlembagaan mengatakan ini tidak boleh berlaku nescaya undang-undang ini sendiri as far as the provision is concern adalah tidak bersesuaian dengan kehendak Perlembagaan Malaysia.

Jadi, persoalan saya sudahkah Kerajaan Pusat berhubung dengan kerajaan negeri supaya semua kehendak Perlembagaan dan prosedur kerajaan negeri itu dapat diterima agar undang-undang yang kita bincangkan di sini tidak berlaku sebagai undang-undang yang pernah berlaku dan diluluskan di Dewan ini yang mana pengguna pakainya tidak seratus peratus boleh dibuat di Sarawak.

Sebagai contoh, umpamanya satu badan yang mana boleh di 'privatisation' - kan – saya sebutkan umpamanya Telekom dan di bawah undang-undang Parlimen.....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Amat Berhormat bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya simpati dengan wakil dari Batang Lupar tetapi saya cuma hendak maklumkan kepada dia bahawa Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah sudah bersetujulah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah. Kalau sudah begitu, saya memang menyanjung betul oleh kerana tujuan saya bukan hendak larang, saya bersetuju memberitahu secara awal supaya kita terawat apabila tidak lakukan undang-undang ini. Kita tidak hendak terngadah bila sudah terhantuk. Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan dari Yang Berhormat Batang Lupar. Kebimbangan Yang Berhormat nampaknya takut bahawa apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan ia bercanggah dengan peruntukan Undang-undang Tanah Negeri, itu kalau saya faham Yang Berhormat baca tetapi peruntukan seksyen 16 itu telah menyebut dengan jelas, Yang Berhormat.

“16. (1) Walau apa pun peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 atau mana-mana undang-undang lain....”

Pada saya ‘mana-mana undang-undang lain’ termasuklah Land Enactment yang ada di negeri-negeri, sama juga dengan di Kelantan, di Kelantan ada Land Enactment 1947. Bila dia sebut ‘mana-mana undang-undang lain’ pada pandangan saya itu termasuk.

Kita tahu sekarang dalam negara kita ada Kanun Tanah Negara walaupun state mempunyai bidang kuasa ke atas tanah tetapi kita ada Kanun Tanah Negara dengan concurrent yang dipersetujui oleh semua negeri kita ada Kanun Tanah Negara, di samping itu ada pula Land Enactment di negeri-negeri. Tetapi apabila seksyen 16 itu menyebut dengan jelas ‘*walau apa pun peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 atau mana-mana undang-undang lain....*’, pada saya itu sudah termasuk enakmen-enakmen yang wujud termasuk di Sabah, Sarawak, Kelantan atau di mana-mana tempat yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam Fasal 95 Perlembagaan, Undang-undang Tanah adalah

exclusive right of the negeri Sarawak dan peruntukan Fasal 95 Perlembagaan ini mengkhaskan apa-apa overlapping yang boleh dibuat oleh Parlimen bila menyentuh Undang-undang Tanah, ini tidak terpakai. Parlimen tidak berkuasa membuat undang-undang berhubung dengan tanah negeri Sarawak melainkan sudah dapat kebenaran daripada Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Jadi, maknanya provision dalam undang-undang ini tidak terpakai melainkan sudah diberi kebenaran oleh negeri Sarawak. Kalau sudah diberi kebenaran macam kata Yang Amat Berhormat Dato' Seri tadi, maknanya perbahasan kita ini sudah tidak pakai lagilah, bahasan saya ini cerita akademik sahaja. Jadi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri kerana sudah beri penjelasan yang tepat. Dan kepada rakan saya dari Machang, saya ucap terima kasih juga, satu penjelasan yang dipinta.

Walau bagaimanapun, saya meneruskan persoalan saya dalam undang-undang ini iaitu saya berharap juga daripada segi dasar undang-undang kita sudah dapat terima dan kelulusan daripada negeri Sarawak. Kebimbangan saya bukan saya tidak hendak, saya memang seratus peratus sokong bahkan lebih daripada itu, kerana apa yang saya tidak hendak ialah syarikat-syarikat di negeri Sarawak tidak dapat kemudahan yang sama dengan syarikat-syarikat yang di Semenanjung ini oleh kerana adanya batasan-batasan yang tertentu. Jadi inilah sebab saya betul-betul menumpukan perhatian kepada penyelarasan ini.

Oleh kerana kalau kita lihat badan-badan yang mana kita telah swastakan yang mana hak-hak yang sama diberi dengan Semenanjung tetapi bila sampai ke Sarawak, hak itu tidak dapat digunakan. Maknanya kemudahan, keuntungan dan keutamaan yang telah diluluskan di Parlimen ini, telah diberi oleh Parlimen ini, telah dimasukkan dalam undang-undang tetapi malangnya bila sampai ke Sarawak, benda itu tidak boleh diterima orang di sana oleh sebab-sebab yang tertentu.

Umpamanya, Syarikat Telekom telah diberi kuasa memberi pinjaman dan sebagainya kepada ahli-ahli dan anggota-anggotanya di Sarawak tetapi apabila sampai ke Sarawak, Syarikat Telekom bukan syarikat yang berstatus natif, tidak

boleh menerima tanah natif di Sarawak. Maknanya, ahli-ahli telekom yang telah membeli tanah natif di Sarawak boleh membuat rumah di Sarawak tetapi tidak boleh meminjam kepada Syarikat Telekom oleh kerana Syarikat Telekom tidak boleh 'holding as chargee' kepada harta yang tersebut. Dengan sendirinya orang/rakyat Sarawak yang bertugas dalam Telekom tidak menikmati keuntungan dan keutamaan yang sama seperti yang didapati di Semenanjung. Jadi, dalam keadaan demikian, maknanya masih ada perkara-perkara yang kita harus selaraskan dahulu sebelum undang-undang itu di bawa ke Dewan yang mulia ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *Bangun*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Batang Lupar kerana kemungkinan ramai yang hendak bercakap, barangkali saya tidak sempat untuk berucap. Kebimbangan saya yang sebenarnya Yang Berhormat, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, ialah berhubung dengan peruntukan Perlembagaan Negara yang menyatakan bahawa "tidak ada mana-mana harta orang/rakyat dalam negara ini boleh diambil melainkan dengan pampasan tertentu dan mana-mana peruntukan undang-undang yang bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Negara adalah terbatal setakat ia bercanggah itu."

Jadi saya lihat di dalam peruntukan akta ini, saya tidak berjumpa dengan suatu peruntukan yang memperuntukkan satu pampasan dalam bentuk pampasan melainkan bahawa pampasan itu dibayar kepada bank, kalau dia NPL. Jadi, adakah Yang Berhormat apabila membaca akta ini melihat bahawa kemungkinan percanggahan dengan Perlembagaan Negara pada kesannya amat besar. Kalau bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Negara, maka sesuatu peruntukan itu akan batal setakat yang ia bercanggah. Adakah peruntukan di dalam ini Yang Berhormat dapat lihat bahawa boleh mengecualikan ini, boleh mengelakkan daripada perkara yang mungkin berbangkit selepas ini. Kerana kita tahu bila ini dilaksanakan, konsep Danaharta ini ialah mengambilalih harta kepunyaan orang

lain dan diserahkan kepada Danaharta untuk mengurus secara langsung. Kemudian tentu akan menjejaskan hak dia, sedangkan peruntukan dalam negara kita kata “tidak ada harta mana-mana orang boleh diambil dengan melainkan pampasan tertentu telah dibayar”. Itu dia, cuba Yang Berhormat beri penjelasan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya pun hendak hampir ke peringkat itu, oleh kerana saya terbaca yang badan ini tidak boleh disaman, tidak boleh di apa..., semua sekali kita tidak boleh buat, jadi apabila barang, hartabenda ini telah terserah daripada tuan punya tanah dan pihak perbankan ataupun institusi kewangan memegang harta ini sebagai pemegang harta ini dan menyerah pula kepada pihak Danaharta dan memang betul dalam undang-undang ini tidak ada satu peruntukan pun mengatakan di mana letaknya kalau ada perbezaan nilai. Umpamanya kalau tanah yang diserahkan kepada pihak Danaharta dengan harga RM1 juta, tetapi yang hutang tuan tanah ini mungkin RM800,000 – penilaian kita belum sebut di dalam ini. Jadi dengan sendirinya, ada perbezaan harga nilai penyerahan dan nilai yang patutnya masih ada baki yang patut diserahkan dengan orang yang punya hartabenda yang asal.

Belum ada dibuat di dalam ini, ini memang juga saya percaya dan bersetuju menjadi satu kebimbangan. Ada kemungkinan kita melihat ini di bawah undang-undang tanah negeri-negeri yang berasingan. Di dalam pihak institusi kewangan menyerah hartanah kepada pihak Danaharta dan pihak tuan tanah mungkin boleh mengambil tindakan kepada pihak penjual, maknanya, pihak perbankan. Oleh kerana tidak ada had atau pun batasan tertentu yang telah ditetapkan dalam undang-undang ini untuk tuan tanah mengambil tindakan perundangan kepada pihak perbankan yang telah menyerahkan hartanya kepada Danaharta yang tidak mengambil kira pulangan dan nilai harga harta yang akan diserahkan kepada pihak yang sedemikian.

Jadi, kalau implikasi ini tidak betul, dengan sendirinya kita perlulah menggubal atau pun menambah undang-undang ini dengan memberikan satu

peruntukan supaya kebimbangan ini tidak lagi disebut atau pun kebimbangan ini boleh diatasi. Jadi, dengan kata sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat daripada Machang iaitu peruntukannya kurang jelas untuk mengatakan di manakah letaknya keselamatan sebagai tuan tanah akan terjaga di bawah undang-undang yang kita sebutkan di sini, ada sedikit kelemahan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, kita patut melihat undang-undang ini, walaupun kita baru terima pada pagi semalam, jadi kita tidak cukup masa untuk melihat secara menyeluruh undang-undang ini di mana kelemahan dia, di mana tempat yang perlu kita tokok tambahkan supaya bukan sahaja memberi peluang kepada Danaharta untuk menguruskan harta-harta yang mereka terima dan mengambil harta daripada pihak bank tetapi kita mesti juga mengambil kira yang harta-harta daripada bank itu asalnya adalah dipunyai oleh orang lain, peminjam duit daripada sumber kewangan dari bank-bank yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain tidak ingin saya sentuh lagi oleh kerana muka surat kertas saya pun tidak ada – 4 muka surat tidak nampak apa-apa, jadi saya hendak baca pun tidak ada, ini pun kurang, Tuan Yang di-Pertua, kurang muka surat, banyak yang kosong, barangkali ada 10 mukasurat yang hilang tetapi kawan saya hendak serah dia punya tetapi sekarang ini saya macam mana hendak baca dan ulas. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan sedikit itu tadi, saya menyokong undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tambun.

4.38 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyentuh tentang akta ini, saya ingin mendapat penjelasan terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan mengenai dengan faedah bank iaitu isu faedah bank yang begitu tinggi. Walaupun ada kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Menteri bahawa terdapat penurunan BLR dan 'effective rate'nya menjadi rendah, tetapi saya dapati dalam beberapa syarikat yang

saya temui, terutamanya bagi syarikat yang meminjam jangka pendek melalui penggunaan 'promissory note', dana yang dibiayai melalui 'money market' menggunakan inter-bank offering rate, saya dapati syarikat-syarikat yang menggunakan sistem itu jikalau pada masa sebelum kegawatan ekonomi, effective rate pada kadar 15-16% tetapi sekarang dalam lingkungan 22%. Ini bermakna ada penurunan BLR tetapi dari segi faedah inter-bank offering rate ataupun money market rate ini nampaknya tidak lagi turun, diharap mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri.

Saya mengalu-alukan usaha kerajaan dalam membentangkan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang bertujuan untuk memperkukuhkan kembali institusi serta sektor kewangan. Sepertimana kita sedia maklum, bahawa sektor perbankan dan kewangan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam pemulihan ekonomi terutama dalam menyediakan dana bagi digunakan oleh syarikat-syarikat korporat dalam menjalankan kegiatan ekonomi mereka. Dengan adanya Danaharta, kita percaya bahawa sektor perbankan dapat dirasionalisasikan dengan NPL diambil alih oleh Danaharta dan pihak bank boleh memberi tumpuan kepada aktiviti pembiayaan.

Di samping itu, kita difahamkan bahawa antara sumber pembiayaan adalah dengan mewujudkan bon. Antara kelemahan dalam sektor perbankan dan kewangan di negara membangun adalah sektor pasaran bon tidak dimajukan pada peringkat yang sepatutnya sebagaimana yang berlaku di negara-negara maju. Jadi dengan adanya Danaharta terlibat dalam soal mewujudkan bon ini, ia sedikit sebanyak akan mewujudkan pasaran bon yang lebih kukuh di negara membangun terutama di negara kita. Dengan itu, syarikat tidak semata-mata bergantung kepada pasaran ekuiti dan pasaran hutang untuk sumber pembiayaan syarikat tetapi ia boleh bergantung kepada pasaran bon yang mana ia lebih rendah dari segi faedahnya daripada pasaran hutang.

Saya dapati ada dua isu utama yang harus kita lihat dalam soal penubuhan Danaharta ini. Pertama, tentang viability sektor perbankan dari segi jangka panjang

dan kedua viability Danaharta itu sendiri. Saya ingin sentuh perkara yang kedua terlebih dahulu iaitu dari segi viability jangka panjang Danaharta Berhad. Oleh kerana penubuhan Danaharta ini satu perkara yang baru di dalam negara kita, jadi kita tidak tahu sejauhmana Danaharta ini mempunyai masa depan yang berpotensi atau tidak.

Jadi, sehubungan dengan itu ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh berhubung dengan soal viability Danaharta ini. Pertama tentang soal NPL, sebenarnya berapakah jumlah NPL kita pada peringkat sekarang? Berdasarkan kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semalam, NPL kita adalah pada jumlah sebanyak RM15 bilion. Manakala terdapat banyak kajian oleh badan-badan lain termasuk SG Securities yang mengatakan jumlah NPL kita lebih tinggi daripada itu dan malahan pada pertengahan tahun 1999, NPL kita dijangka berjumlah RM101 bilion. Jadi itu persoalan yang pertama, sebesar mana? Kerana saya difahamkan Danaharta mempunyai kemampuan untuk membiayai NPL sebanyak RM15 bilion. Jadi kalau NPL kita banyak, hasrat Danaharta untuk memperkukuhkan sektor perbankan tidak akan tercapai.

Kedua, tentang soal kualiti NPL kita. Dari segi kajian kerajaan berapa peratuskah NPL kita yang masih mempunyai viability dan berapa peratus yang tidak mempunyai viability. Dari segi Danaharta yang mana satukah yang akan diambil, apakah kriteria-kriteria yang Danaharta akan mengambilalih NPL tersebut. Saya rasa perkara ini perkara yang amat penting untuk kita bincangkan.

Ketiga, tentang struktur modal – saya difahamkan kerajaan akan menyediakan ekuiti untuk Danaharta sebanyak RM50 juta, ini maklumat yang saya perolehi. Manakala jumlah yang diperlukan jikalau kita ambil daripada kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, NPL kita sebanyak RM15 bilion. Jadi dari segi struktur modal Danaharta nanti, kita akan dapati bahawa ekuiti syarikat tersebut begitu kecil manakala pinjamannya begitu besar. Dalam keadaan sekarang, kalau kita ambil daripada contoh Petronas – daripada bon yang dikeluarkan oleh Petronas yang dapat menarik faedah sebanyak 8% lebih, jadi bon untuk Danaharta

dijangka dalam lingkungan 10-11%. Jikalau RM15 bilion dipinjam, diambil daripada penjualan bon sebanyak 10% lah dikatakan, jadi RM15 bilion bermakna Danaharta akan membayar faedah sebanyak RM1.5 bilion. Dengan itu pada peringkat awal lagi apabila ia membeli daripada bank NPL, NPL ini belum tentu lagi dapat dipulihkan, manakala pihak Danaharta akan membayar faedah sebanyak RM1.5 bilion. Ini tentu akan menjejaskan viability Danaharta. Jadi saya berharap akan mendapat penjelasan daripada kerajaan, bagaimanakah struktur modalnya dari segi ekuiti dan juga dari segi penggunaan bon. Berapakah nisbah yang akan digunakan?

Satu lagi perkara tentang usaha Danaharta untuk mengadakan bon. Oleh kerana jumlah yang terlibat begitu besar maka Danaharta akan mendapatkan pembiayaan dari negara luar dan ini akan melibatkan pinjaman Danaharta dalam bentuk mata wang asing. Sejauh manakah kita bersedia untuk menghadapi risiko daripada kenaikan dan penurunan mata wang dan besar kemungkinan kita akan meminjam dalam bentuk Dollar Amerika.

Satu lagi perkara saya ingin sentuh tentang soal apa yang saya bangkitkan tadi tentang viability NPL. Pertama isu yang berkaitan dengan soal viability NPL ini adalah soal kos bagi pihak Danaharta mengambil alih NPL daripada bank. Kalau ikut kenyataan bahawa Danaharta akan mengambil pada harga 'fair market value' dengan izin, apakah 'fair market value?' Kalau kita berdasarkan kepada pengalaman di pasaran antarabangsa, syarikat akan mengambil alih hutang NPL ini pada kadar nilai sebanyak antara 20% ke 50% daripada nilai gross NPL. Adakah ini akan dilakukan? Jikalau ini dilakukan kalau harga NPL tersebut rendah ini akan menguntungkan Danaharta, tetapi kalau ia tinggi, ia akan merugikan Danaharta tetapi menguntungkan bank. Jadi di sini kita akan berhadapan dengan satu masalah, kalau dijual kepada Danaharta dengan yang murah, bank akan rugi, jadi usaha kita untuk mengadakan dengan izin, 'fresh injection of capital' dalam sektor banking tidak akan terlaksana kerana jumlahnya begitu kecil. Kita ambil contoh daripada Sime Bank. Kita difahamkan NPL Sime Bank sebanyak RM1.5 bilion. Katalah

kita buat andaian yang Danaharta mengambil alih keseluruhan RM1.5 bilion, kalau 50% baru RM750 juta dan ini menjejaskan dari segi accounting di dalam buku Sime Bank. Kalau baru lalu ia kerugian sebanyak RM1.5 bilion dengan cara pengambilalihan alih RM1.5 bilion pada kadar 50% nilainya sahaja ia akan ada “write-off” sebanyak RM750 juta dan ini akan menjadikan bank tersebut rugi kali yang kedua dengan jumlah nilai yang begitu besar. Ini akan menjejaskan bukan sahaja prestasi dan masa hadapan bank tersebut tetapi juga menjejaskan usaha kerajaan supaya mempunyai modal atau dana baru di dalam sektor banking.

Kemudian terdapat isu bagaimana kita hendak memulihkan aset tersebut. Saya tidak mengkaji dengan mendalam akta ini tetapi saya melihat mekanisme yang saya faham dalam sistem banking ini, Danaharta akan membeli NPL daripada bank, masuk ke dalam buku Danaharta kemudian Danaharta akan memulihkan sama ada dari segi pemulihan peniagaan berdasarkan syarikat yang ada, dipulihkan perniagaan syarikat tersebut, membantu membuat restructuring dan sebagainya supaya dia dapat membayar balik pinjaman tersebut atau pun dengan menjual NPL tersebut. Jadi persoalannya, pertama adakah Danaharta mempunyai kepakaran untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut? Ini satu tanggungjawab yang begitu besar. Kadang kala kita menganggap sektor banking sebagai tidak berupaya, dan berkemampuan untuk memulihkan NPL tetapi sebenarnya sektor banking mempunyai pengalaman yang begitu panjang, sudah lama dalam sektor ini dan kemungkinan sektor banking telah menggunakan kepakaran yang ada sampai ke peringkat yang maksimum dan tidak berupaya untuk memulihkan NPL ini dan bagaimana satu entiti yang baru pula boleh memulihkan? Ini satu isu yang ingin saya bangkitkan iaitu soal kepakaran dari segi pengurusan yang akan terlibat.

Yang kedua soal penjualan, bagaimanakah penjualan ini akan dilakukan? Kita tidak mempunyai pasaran secondary untuk menjual NPL, bukan macam di Amerika Syarikat, Morgan Guaranty, dia jual kepada syarikat-syarikat lain kerana dia ada secondary market tetapi secondary market tidak wujud di sini. Adakah kita

akan menjualnya kepada negara luar atau pun syarikat-syarikat yang luar daripada sempadan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara tentang soal collateral pinjaman tersebut. Saya dapati sebahagian besar daripada NPL ini adalah terdiri daripada syarikat yang terlibat dalam sektor hartanah dengan saham. Saham kita telah jatuh sehingga 20%, daripada nilai asal, sudah turun sehingga 20% sahaja daripada nilai asal iaitu, daripada 100% tinggal 20% daripada nilai asal. Begitu juga hartanah dan dalam laporan-laporan mengatakan bahawa sektor ini akan terus menurun kerana ada juga pendapat mengatakan bahawa ekonomi kita belum sampai ke peringkat yang lebih parah. Ia dijangka ke peringkat yang lebih parah nanti. Bermakna bahawa apabila Danaharta mengambil alih NPL tadi dia juga akan mengambil alih collateral yang merosot jadi bagaimanakah pihak Danaharta akan menghadapi masalah tersebut?

Satu lagi perkara yang ingin satu sentuh tentang apa yang saya nyatakan tadi 'long term viability' sektor perbankan. Saya ingin menarik balik perhatian tentang soal NPL ini berapakah jumlah sebenarnya dan juga kualiti NPL ini kerana ini isu yang paling penting. Kalau andaian saya bahawa Danaharta hanya berupaya untuk mengambil alih sampai RM15 bilion, kalau betul ramalan SG's Securities bahawa NPL kita akan meningkat kepada RM101 bilion pada pertengahan tahun 1999, jadi bermakna NPL ini akan masih berada pada sektor perbankan walaupun ada pandangan mengatakan dengan wujudnya Danaharta, NPL di peringkat banking akan berada pada paras 5% hingga 7% sahaja. Tetapi dalam keadaan sebenarnya kalau berlaku NPL yang bertambah jadi bermakna bahawa nisbah NPL dalam sektor banking akan menjadi begitu banyak.

Yang kedua tentang soal isu pengurusan bank, saya kerap kali membangkitkan tentang isu ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sejauh manakah kementerian telah membuat kajian ke atas tahap pengurusan bank tempatan kita dan kemudian apakah usaha yang telah dijalankan untuk kita menyusun semula pengurusan supaya memperkukuhkan bank.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, banyak kali saya bangkitkan isu ini antara sebab kita mempunyai NPL yang banyak disebabkan tahap kepakaran sektor perbankan kita yang tidak tinggi. Kita tahu bahawa sektor hartanah akan jatuh tetapi bank terus menerus memberi pinjaman kepada sektor hartanah kerana cara fikir bank tempatan kita adalah jika cukup sahaja collateral, kepada bank tersebut 'is a good loan'. Itu dia punya sikap. Maknanya apabila kita memproses pinjaman, yang pertama kita lihat adalah sekuat mana nilai collateral kita, kalau pinjaman sebanyak RM3 juta disokong oleh aset sebanyak RM5 juta, bermakna syarikat tersebut telah memenuhi kriteria bank untuk memberi pinjaman dan atas sikap dan prinsip ini yang digunakan selama ini diberi pinjaman yang begitu banyak sehingga akhirnya bank tidak mampu untuk mendapat balik pinjaman tersebut. Jadi soal viability jangka panjang bank ini bergantung kepada sejauh mana bank menjalani reformasi dalam sistem pengurusan bank tersebut. Danaharta mungkin dapat membantu dari segi jangka pendek, tetapi kalau bank mengamalkan sikap yang sama dengan pengurusan asetnya yang tidak baik ada kemungkinan NPL berlaku kerana bank tidak mempunyai sistem yang baik untuk memungut balik pinjaman.

Yang kedua dari segi pemprosesan pinjaman sehingga memberikan pinjamannya tidak berkualiti. Saya percaya kalau Bank Negara membuat kajian ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh bank kita, baik bank saudagar (merchant bank) mahupun bank perdagangan (commercial bank), saya percaya antara sebab NPL berlaku kerana kecuaiian dari segi sistem pemprosesan. Kecuaiian ini mungkin sengaja dilakukan oleh pihak tertentu untuk kepentingan diri atau kerana sikap, prinsip atau tahap kepakaran pegawai-pegawai bank kita yang tidak tinggi.

Jadi saya berharap dalam kita hendak mencari penyelesaian tentang masalah bank yang menghadapi kekusutan yang begitu tinggi, mempunyai NPL yang begitu tinggi sehingga tidak mempunyai keupayaan untuk menjalankan tugas tradisional

memberikan pinjaman kepada sektor ekonomi, asasnya adalah kita mesti mempunyai pengurusan yang profesional, yang mempunyai kepakaran yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sentuh saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Machang.

4.58 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tidak akan mengambil masa yang panjang cuma untuk membangkitkan beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998. Kita faham hasrat dan cita-cita kerajaan untuk menyelamatkan sistem banking dalam negara ini melalui pengemukaan rang undang-undang ini bagi menyelamatkan NPL yang sudah meningkat pada masa ini. Jika perkara ini tidak diambil tindakan segera ianya barangkali boleh meruntuhkan sistem bank dalam negara ini dan ini akan memberikan satu kesan yang amat besar kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya ingin melahirkan kebimbangan saya tentang perkara yang telah saya bangkitkan tadi kepada Yang Berhormat dari Batang Lupa. Saya bimbang takut-takut nanti Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini akan menjadi satu undang-undang Parlimen yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Saya sebenarnya tidak dapat menerus secara detail dan terperinci kepada rang undang-undang ini kerana kita dapat petang kelmarin dan kajian terperinci tidak sempat lagi dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut Peruntukan 13(1) Perlembagaan kita menyebut dengan jelas, dengan izin,

13 (1) *“No person shall be deprived of property save in accordance with law”*

13 (2) “No law shall provide for the compulsory acquisition or use of the property without adequate compensation”

Itu adalah peruntukan Perlembagaan bab hak liberty atau pun hak kebebasan asasi dalam negara kita yang terdapat dalam Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan.

Apa yang membimbangkan saya ialah berhubung dengan kedudukan Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan telah menyebut dengan jelas, dengan izin,

4 (1) “ This constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency be void”.

Yang membimbangkan saya ialah memang jelas bahawa rang undang-undang ini ialah satu rang undang-undang yang dibuat untuk menyelesaikan masalah, itu kita hormat, kita faham masalah itu ialah masalah keperluan yang perlu diambil oleh kerajaan dan saya faham. Untuk merangka rang undang-undang ini juga bukan merupakan satu perkara yang senang. Saya faham pengamal undang-undang barangkali telah membuat banyak kajian rang undang-undang yang diamalkan di negara-negara lain. Tetapi barangkali kemungkinan kedudukan perlembagaan negara mereka berlainan dengan peruntukan perlembagaan yang wujud dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di sini ialah Danaharta akan mengambil alih hak NPL ini daripada bank yang sebahagian besarnya melibatkan security termasuk tanah yang dipunyai oleh peminjam iaitu orang ketiga. Apa yang bimbang akan berlaku ialah apabila tindakan ini diambil tentulah dalam keadaan tertentu melibatkan kerugian kepada tuan punya iaitu peminjam tadi. Bila ini berlaku kerugian kepada tuan punya maka tindakan ini barangkali akan merugikan beliau. Bila tindakan ini merugikan beliau, beliau tidak puas hati dan terus akan membawa perkara ini ke mahkamah dan menyatakan bahawa peruntukan undang-undang di bawah Pengurusan Danaharta 1998 ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan jika kesannya mahkamah mengisytiharkan bahawa peruntukan ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan maka peruntukan ini batal dan tidak sah dan tentulah ia akan memberi kesan kepada usaha-usaha murni yang hendak dibuat oleh kerajaan. Barangkali pihak kerajaan ada mempunyai jawapan kepada permasalahan yang saya bangkitkan ini dan kalau kerajaan mempunyai jawapan kepada permasalahan yang saya bangkitkan ini saya minta supaya penjelasan ini dapat diberikan sewajarnya supaya kekeliruan yang wujud dalam fikiran khusus fikiran saya ini dapat diperbetulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Wangsa Maju bangun.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya kurang mahir tentang soal undang-undang di mana Machang memang pakar. Walau bagaimanapun tentang soal ultra vires perlembagaan ini memang penting tetapi dalam kontek perkara yang kita bincangkan dalam undang-undang ini ialah berkaitan tentang hutang yang tidak berbayar. Maka status hukum atau the legal status, dengan izin, pemiutang itu sudah terjejas dan ianya termasuk di bawah perjanjian ataupun kontrak ataupun debenture berkaitan harta yang dicagarkan. Jadi ini mungkin tidak kena mengena langsung dengan soal Perlembagaan ataupun hak asasi pemilik tersebut.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat daripada Wangsa Maju kerana takrif yang diberikan oleh Perlembagaan kita ini ialah Perkara 13 seperti yang saya sebutkan tadi “no person shall be deprived of property”. Property ini termasuklah tanah yang dicagarkan kepada bank. Property ini kalau kita pergi lebih detail lagi ialah property ini menjadi harta alih, harta tak alih dan banyak lagi. Semuanya melibatkan perkara-perkara - Tafsiran itu saya rasa jelas. Tanah adalah termasuk daripada property iaitu harta kemudian aset-aset lain pun juga adalah property termasuk, itu sudah termasuk, saya rasa itu adalah jelas.

Seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, barangkali pihak kerajaan ada jawapan kepada permasalahan yang saya bangkit cuma saya minta penjelasan supaya saya bimbang takut nanti ada mereka-mereka yang tidak puas hati dan membawa perkara ini ke mahkamah dan jika itu keputusan yang dibuat oleh mahkamah maka ia akan menjejaskan usaha baik yang sedang dijalankan ini. Jadi hasrat kerajaan hendak mempercepatkan proses pengambilalihan NPL tadi akan menjadi terbantut. Sebab tujuan sebenar akta ini ialah untuk mencari satu jalan pintas. Itu kita faham. Sebab kalau hendak pergi melalui proses biasa ianya akan melibatkan proses litigasi yang kemungkinan akan mengambil

masa lapan atau sepuluh tahun untuk selesai. Dan jika itulah masa yang perlu diambil maka usaha kerajaan untuk menyelamatkan NPL tadi tidak akan berjaya.

Jadi Danaharta tadi adalah satu jalan pintas untuk mengatasi masalah-masalah tadi. Masalah-masalah litigasi yang mungkin berbangkit dan sebagainya, itu cari satu jalan pintas memperkenalkan undang-undang ini. Tetapi kita kena ingat bahawa mana-mana rang undang-undang Parlimen yang dibuat jika ia bercanggah dengan perlembagaan persekutuan maka undang-undang itu dianggap tidak sah because legal constitution, dengan izin is the supreme law of the country. Saya minta pihak kerajaan, Yang Amat Berhormat dapat memberi penjelasan kepada perkara yang saya bangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan masalah NPL ini, masalah non performing loan yang sedang meningkat sekarang ini. Salah satu kelemahan nyata yang berlaku Tuan Yang di-Pertua ialah pihak bank selama ini banyak memberi pinjaman-pinjaman berasaskan pertama pemberian pinjaman kepada individu. Memberi pinjaman kepada individu dengan jumlah yang besar. Seorang individu mendapat loan sampai RM100 juta, RM200 juta. Ada bank-bank yang memberikan ini, saya tidak mahu menyebutlah angka-angka itu, saya rasa pihak kerajaan perlu akui perkara ini berlaku. Di mana seorang individu mendapat pinjaman jumlah yang besar dalam satu bank misalan RM100 juta, RM50 juta dia seorang sahaja yang dapat. Kemudian security ataupun cagarannya seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun tadi tidak cukup. Di bawah daripada harga pasaran sebenar. Jadi bila berlaku keadaan gawat seperti yang berlaku sekarang berlakulah non-performing loan, ketidakmampuannya untuk membayar. Terutamanya pinjaman-pinjaman dalam soal membeli saham dan sebagainya. Bila saham jatuh merudum, sejak tiga suku tahun lepas sehingga sekarang, masalah ini akan berbangkit.

Jadi saya rasa tiba masanya sekarang supaya Bank Negara menetapkan satu peraturan bahawa pinjaman untuk individu-individu dihadkan kepada jumlah tertentu. Jangan melampaui garis ini. Satu garis ini barangkali berapa jumlahnya ini boleh ditentukan oleh pihak kerajaan. Saya tidak tahu berapa jumlah yang wajar tetapi janganlah seorang individu mempunyai pinjaman sampai RM100 juta atau RM300 juta atau RM200 juta sebab seorang individu ini boleh meruntuhkan sebuah bank. Ini cukup bahaya. Ini maknanya bank itu sendiri berada dalam keadaan yang tidak stabil. Saya cadangkan supaya Bank Negara menetapkan satu peraturan supaya jumlah pinjaman kepada individu ini dihadkan. Berapa jumlah itu terpulang kepada pihak kerajaan.

Yang ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai kenaikan kadar faedah. Memang ramai orang yang terjejas dengan kenaikan kadar faedah bank ini. Barangkali kenaikan kadar faedah berasaskan kepada base landing rate sekarang ini sampai sudah naik sampai 17%, ada sampai 16%. Dan peminjam-peminjam rumah sederhana misalannya, kalau dulu membayar RM1,200 sebulan sekarang mungkin terpaksa membayar RM1,700 sebulan atau RM1,600 sebulan. Itu kita faham tetapi yang menjadi masalahnya sebahagian besar daripada bank-bank ini menaikkan kadar faedah ini tanpa memberitahu kepada peminjam. Tenguk-tenguk, mari kenyataan bahawa bulan ini kena jelas dulu RM1,200 kena naik RM1,700. Sepatutnya apa yang dibuat oleh bank dalam keadaan sekarang ialah sepertimana yang disarankan oleh Bank Negara. Memang bank berhak menaikkan kadar faedah itu mengikut perjanjian asal. Itu tidak dipertikaikan. Sepatutnya bagi meringankan beban kepada pembeli apabila berlaku kenaikan kadar faedah yang dulunya membayar RM1,200 sekarang naik kepada RM1,600. Panggil peminjam. Memberitahu kepada peminjam sekarang ini kedudukan kadar faedah telah meningkat maka awak ada dua pilihan. Satu ialah meneruskan kadar faedah baru jika awak mampu, yang kedua reschedule balik pinjaman tersebut. Kalau dahulu

tempohnya ialah untuk 10 tahun mungkin boleh dilanjutkan kepada 15 tahun atau 20 tahun. Dengan cara demikian ianya akan dapat mengurangkan beban.

Kemungkinan yang akan berlaku Tuan Yang di-Pertua, dahulu seorang peminjam dahulu mampu membayar dengan harga RM1,200 mengikut budget dia kerana gaji dia RM4,000, dia ambil pinjaman yang melibatkan pembayaran RM1,200 dia mampu bayar. Tetapi dalam keadaan sekarang bila meningkat sampai RM500 tambahan tentulah dia tidak mampu. Sepatutnya bank sebelum menaikkan kadar faedah ini panggil dia beritahu. Seperti baru ini Bank Negara sudah buat arahan ini. Tetapi ini tidak berlaku. Saya tahu, ini pengalaman, peribadi saya sendiri. Apa yang berlaku ialah kenaikan serta merta dan peminjam tidak diberi peluang.

Sepatutnya beri peluang - Okey awak ada dua pilihan. Pilihan pertama meneruskan bayaran dengan kadar baru ini jika awak mampu. Kalau awak tidak mampu, okey kita reschedule balik pinjaman ini dengan menambahkan tempoh pembayaran balik dan ini akan mengekalkan bayaran pada kadar asal untuk sementara waktu. Dan ini tidak akan membebankan para pembeli. Saya percaya sekarang para pembeli, ramai yang merunggut kepada saya, dulu bayar RM1,200 sekarang naik sampai RM1,500. Kita faham bank menaikkan kadar faedah dan ini adalah hak dia di sisi undang-undang kerana perjanjian asal, dia boleh menaikkan ini. Itu kita faham. Tetapi mesti adil dalam keadaan sekarang, mesti adil dan bank pun kena faham tindakan-tindakan undang-undang yang diambil mesti faham perkara ini. Supaya kegawatan ini jangan melibatkan satu kegawatan yang lebih.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan ialah keengganan. Keengganan para bank memberi pinjaman dalam keadaan sekarang. Saya faham misalannya pinjaman dalam hire-purchase, pinjaman sewa beli. Walaupun undang-undang menyatakan di bawah akta sewa beli tahun 1997, interest boleh mana-mana kadar tidak melebihi 10%. Itu yang statutory rate yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Dulu ada bank memberi pinjaman sampai dengan kadar faedah 5% pun ada, 5.2% pun ada, 5.3% pun ada. Tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah 9.5% itu yang paling reasonable sekarang. Barangkali sikit lagi akan capai tahap siling. Ini bermakna peminjam-peminjam yang hendak membeli kereta melalui sewa purchase akan mengambil satu jumlah yang besar. Kalau beli kereta kancil, itu kereta yang temurah di pasaran sekarang. Yang melibatkan perbelanjaan sampai sebulan mesti bayar, sampai RM700 - RM800 saya rasa tidak ada terutamanya pegawai-pegawai kerajaan dan kerani-kerani tidak mampu hendak beli kereta kancil sekarang, sudah tinggi.

Apa yang dapat dibuat Tuan Yang di-Pertua ialah memperlanjutkan tempoh ini, memperlanjutkan tempoh dalam keadaan gawat ini, memperlanjutkan tempoh ini bukan sahaja dahulu memang sudah dilanjutkan kepada 5 tahun tetapi saya hendak cadangkan supaya boleh dilanjutkan lagi sampai 7 tahun. Jangan sampai 10 tahun sebab kalau 10 tahun kereta Kancil barangkali sudah tidak boleh pakai. Tidak munasabah pula. *[Ketawa]* Tempoh lanjutkan sedikit misalnya 6 tahun atau 7 tahun berdasarkan keperluan.

Memang perkara ini berlaku sekarang ini kedudukan industri kereta motor sekarang menghadapi masalah besar. Ini ramai sudah industri kereta motor yang mengalami masalah, satu kalau ada orang hendak membeli, apa yang hendak berlaku sekarang kalau hendak beli secara cash memanglah orang tidak mampu beli secara cash, tentu beli bawah hire-purchase. Dan kalau interestnya tinggi, ansuran bulanan yang tinggi tidak ramai orang mampu beli kereta.

Jadi cara ini boleh diselamatkan dengan melanjutkan tempoh. Melanjutkan tempoh dan barangkali ansuran boleh dikekalkan. Ini mengikut kesesuaian keretalah, kalau kereta itu kereta mercedes barangkali 10 tahun pun boleh sebab kereta mercedes baru boleh sampai 10 tahun pun tidak apa-apa lagi tetapi kalau kancil kemungkinan kena 6 tahun atau 7 tahun. Tengok kepada keadaan. Supaya menjadi lebih flexible.

Saya percaya dalam keadaan sekarang, seorang graduate yang baru mendapat kelulusan dari universiti tidak boleh hendak beli kereta Kancil sekarang ini. Dengan interest yang terpaksa di tanggung melalui hire-purchase yang begitu tinggi, ansuran bulanannya sudah meningkat kepada RM700 satu bulan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan. Saya masih ingat dalam bulan Disember lepas, apabila kita membentangkan belanjawan kerajaan telah memendekkan tempoh NPL. Sebelum daripada budget tahun lepas tempoh NPL ialah 6 bulan. Kemudian budget tahun lepas ialah diturunkan kepada 3 bulan sekarang ini. 3 bulan sudah jadi NPL. Barangkali inilah salah satu faktor besar yang menyebabkan berlakunya banyak NPL sekarang. Saya hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua .

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan, walau bagaimanapun kerajaan lebih arif, saya hendak cadangkan supaya tempoh NPL ini diubah kepada enam bulan kembali sepertimana sebelum Belanjawan lepas, tiga bulan dalam keadaan ekonomi elok dahulu, memang tempoh enam bulan itu sesuai, sekarang pun enam bulan sesuai, barangkali ada mereka yang bermasalah dalam tempoh jangka pendek, jadi, kalau kita pendekkan tempoh itu tiga bulan telah diklasifikasikan sebagai pinjaman buruk dan mengikut peraturan sekarang.

Itulah menyebabkan barangkali NPL tetapi yang tidak bayar dalam tempoh tiga bulan ramai saya rasa yang masih mampu membayar, tetapi oleh kerana keadaan tertentu semasa yang berlaku kepada dirinya maka tempoh tiga bulan itu terlalu singkat.

Pada saya juga, saya mempunyai pandangan peribadi bahawa tempoh tiga bulan NPL ini adalah satu tempoh yang amat singkat, jadi saya hendak cadangkan supaya tempoh NPL ini dilanjutkan kepada enam bulan. Saya rasa

kita kembali kepada sebelum Budget dahulu, barangkali ini akan mengurangkan sedikit angka dan tidak menggerunkan kita sangat.

Saya percaya sebahagian besar daripada masalah NPL ini ialah kerana tempoh ini dikurangkan dan sebahagian besar ada yang mampu, cuma barangkali ada masalah tertentu dalam keadaan gawat, hendak jual tanah, tanah slow sedikit laku, hendak jual kereta pun slow sedikit laku, laku ada tetapi kalau tiga bulan sudah jadi NPL, maka yang saya katakan demikian bila kita classifedkan ia sebagai NPL dalam tempoh tiga bulan, pihak pemberi pinjam bank khususnya boleh exercise haknya untuk recovery, ini yang membimbangkan. Jadi, kalau masa enam bulan diberi itu akan memberi ruang yang lebih sedikit kepada peminjam-peminjam ini untuk menyediakan diri supaya kita berhadapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak mengingatkan diri saya dan kita semua bahawa keadaan ekonomi kita ini adalah suatu keadaan yang perlu kita semua bertanggungjawab untuk mengatasi. Kita mesti mempersiapkan diri kita, kita semua mesti mempersiapkan diri, tetapi malangnya saya lihat dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, masih lagi ada orang yang belanja besar, belanja mewah dan sebagainya.

Saya hendak mengingatkan diri saya dan kita semua bahawa dalam tahun 1987 kita menghadapi kegawatan ekonomi pada masa itu, tetapi tidak begitu hebat seperti sekarang, itu pun dahulu kita mengambil masa sekurang-kurangnya tiga, empat tahun baru kita dapat recover balik. Sekarang ini masalah kita berpunca baru pada tahun lepas, baru lebih kurang setahun, yang saya bimbangnyalah ialah jika masalah ini berterusan untuk jangka masa yang panjang, kalau kita boleh selamatkan dalam masa enam bulan yang akan datang, alhamdulillah.

Tetapi kalau ianya berlarutan sampai tiga, empat tahun, persoalan yang perlu kita tanya apakah kita sendiri sekarang sudah bersedia untuk menghadapinya. Sebagai rakyat Malaysia kita menyokong kerajaan dalam

masa elok, dalam masa ekonomi baik dan kita mesti menyokong kerajaan dalam saat-saat yang berada dalam kegawatan sekarang.

Saya percaya bahawa masalah kegawatan ekonomi ini tidak boleh hendak meletakkan kepada bahu kerajaan semata-mata, kerajaan boleh membuat dasar dan melaksanakan rang undang-undang seperti ini, tetapi yang pentingnya kita mesti mengawal diri kita. Kita mesti mempersiapkan diri kita sama ada kita bersedia untuk menghadapi keadaan yang mungkin lebih buruk akan berada di hadapan kita di masa-masa yang akan datang.

Jadi, setiap individu warganegara perlu memperlengkapkan diri, mempersiapkan diri menghadapi suasana yang berkemungkinan buruk, yang kemungkinan baik, yang keadaan tidak menentu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkali-kali menegaskan bahawa sebahagian besar dari masalah kegawatan ekonomi kita ialah disebabkan orang luar dan tentulah bila ianya melibatkan faktor orang luar, sebahagiannya bukan dalam kawalan kita, orang luar dia hendak bertindak, dia tidak tanya kita dahulu, dia hendak buat rancangan dia tidak tanya kita dahulu dan bila orang luar menjadi pengaruh kepada kedudukan ekonomi kita, susah pada kita, apa rancangan yang kerajaan buat pun mesti memakan masa, kerajaan melancarkan satu usaha kemungkinan bertindak dengan cara lain, ianya akan memakan masa. Jadi, langkah yang terbaik bagi setiap kita mempersiapkan diri menghadapi senario yang kemungkinan lebih buruk.

Saya hendak menyeru kepada semua pihak termasuk parti pembangkang sekali pun terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan, pada satu masa dahulu, apabila keadaan ekonomi gawat, kita hormat pandangan dia mengatakan berada di belakang Perdana Menteri, tetapi dalam keadaan sekarang nampaknya pendirian ini sudah berubah sedikit.

Pada masa sekarang tidak kira sama ada pembangkang, tidak kira sama ada kerajaan, kita mesti menyatukan usaha kita untuk menyelamatkan keadaan ini demi kepentingan negara dan masa depan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak sebut ialah berhubung dengan keengganan pihak bank untuk memberi pinjaman kepada usaha hartanah. Selaku seorang peguam saya bertemu dengan ramai pemaju yang melahirkan rasa kebimbangan kepada saya bahawa bank sekarang seolah-olah menutup pintu kepada usaha untuk membangunkan hartanah. Seolah-olah langsung tidak ada kepercayaan kepada bidang hartanah ini. Tetapi keperluan kepada rumah wujud seperti biasa terutamanya rumah kos sederhana dan rumah kos rendah, ini tidak boleh kompromi dalam keadaan sekarang supaya pihak bank jangan menutup, kalau sesuatu usaha itu boleh dikatakan viable, boleh memanfaatkan terutamanya permintaan kepada rumah kos sederhana dan kos murah, ini tidak terjejas, saya percaya ini tidak terjejas, sebab pegawai-pegawai kerajaan pun pinjaman masih boleh dibuat seperti biasa dan kalau bank mengambil sikap menutup pintu kepada usaha untuk membangunkan hartanah saya bimbang akan memberi kesan yang lebih hebat lagi, lebih berat lagi kepada pemaju perumahan dalam negara ini.

Jadi, supaya pihak bank mengamalkan sikap seperti dahulu, seperti sebelum kegawatan untuk membuka pintu kepada pemaju-pemaju hartanah untuk memberi pinjaman. Saya pernah menerima rungutan daripada rakan-rakan saya yang melibatkan diri dalam bidang ini, dia kata, susah turun bank, naik bank tidak ada satu pun bank yang hendak melibatkan diri, jangan letakkan beban kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang akhir ialah saya mengucapkan syabas kepada kerajaan tentang kenyataan yang tegas daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang saya dengar bahawa walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, tetapi peruntukan untuk

pembangunan rakyat luar bandar tetap berjalan seperti biasa. Ini saya tabik, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tahu bahawa kegawatan ekonomi, orang kampung dia tidak faham apa makna gawat, kalau kita cakap gawat pun dia tidak faham, dia tahu terutamanya kalau kita sebagai wakil rakyat, bila kita masuk kampung jalan lecah, dia minta kepada kita, kita cakap ekonomi gawat, itu bukan masalah dia, dia kata. Dia tidak faham masalah ini.

Jadi, sikap kerajaan meneruskan pembangunan luar bandar, walaupun kita menghadapi masalah, ini adalah menunjukkan dengan jelas kerajaan prihatin dalam masalah ini. Saya tahu pembangunan di kawasan luar berjalan seperti biasa, peruntukan pembangunan luar bandar berjalan seperti biasa dan kalau boleh, kalau diizinkan pertingkatkan lagi, bukan kita hendak pancing kerana hendak hadapi pilihan raya - bukan, tetapi ini soal tanggungjawab kerajaan, tanggungjawab kepada golongan yang memerlukan supaya kita dapat membantu keperluan pembangunan di kawasan luar bandar ini dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Balik Pulau.

5.22 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengurusan Dana Hartanah Nasional Berhad 1998 yang merupakan satu langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk kita menyelamatkan institusi kewangan dalam sistem perbankan negara yang sedang menghadapi masalah yang agak getir. Saya hendak mulakan perbahasan yang ringkas ini dengan satu departure point untuk kita mempelajari sesuatu daripada keadaan ini.

Kita tahu bahawa sekarang ini semua pihak tidak terlepas daripada menerima kesan kegawatan ekonomi ini. Oleh itu, kita sedang membayar harga yang cukup tinggi dalam kita berdepan dengan masalah ini. Apabila kita bayar harga yang cukup tinggi adalah lebih baik kita mempelajari sesuatu daripada pengalaman yang kita lalui ini.

Sesungguhnya apa yang dihadapi oleh negara sekarang ini adalah satu krisis yang jauh lebih besar daripada masalah ekonomi kitaran 1985/1986 dan juga tahun 1973/1974. Ini adalah sesuatu yang jauh lebih besar daripada itu. Saya mengambil sikap bahawa kita berada dalam kedudukan ini kerana sedikit sebanyak berpunca dari kegagalan institusi kewangan itu sendiri. Ada orang berkata punca masalah ini adalah daripada kelemahan sistem perbankan kita melaksanakan peranannya sebagai financial intermediation. Apa yang berlaku ialah yang telah mendatangkan kesan yang sangat buruk ialah dalam tempoh lebih kurang sepuluh tahun yang lepas, telah berlaku di dalam negara kita sendiri satu fenomena spekulasi yang memang pun akan berlaku di dalam mana-mana ekonomi yang sedang mengalami pertumbuhan. Mana-mana ekonomi yang menghadapi pertumbuhan yang berpanjangan akan diikuti oleh proses spekulasi dan proses spekulasi ini akan diikuti oleh inflasi aset atau satu gelembung aset. Apa yang berlaku ialah sektor kewangan ataupun bank-bank dan institusi kewangan telah menyokong usaha ini dan satu daripada yang telah dilakukan ialah pembekalan kredit dan juga pinjaman yang begitu banyak dan pembekalan kredit yang begitu banyak ini telah dijadikan sebagai satu enjin untuk menggerakkan lagi proses spekulasi aset yang saya maksudkan tadi. Angka-angka yang kita lihat sekarang ini jelas menunjukkan inilah yang berlaku.

Kita lihat walaupun CPI, Indeks Harga Pengguna menunjukkan kestabilan pada paras yang agak rendah, 4%, 3%, antara 3% hingga 5% dalam tujuh, lapan tahun yang lepas tetapi kita tahu bahawa inflasi ataupun kenaikan

harga hartanah dan kenaikan harga saham ini adalah cukup tinggi. Di pasaran-pasaran yang tertentu di dalam Wilayah Persekutuan, Selangor, di Pulau Pinang khususnya adalah cukup tinggi. Ia dalam dua angka, tidak pernah tidak dua angka dalam tujuh, lapan tahun yang lepas. Adalah sesuatu yang tidak menghairankan untuk melihat bahawa kita boleh mendapat penggandaan nilai hartanah itu dalam tempoh empat tahun, dalam tujuh, lapan tahun yang lepas.

Saya pernah berkata dalam kawasan saya sendiri kalau hartanah yang berharga RM150 ribu pada tahun 1985 ataupun tahun 1986, 1987 sudah mencapai lebih daripada dua kali ganda dalam tempoh lima tahun yang kemudiannya. Manusia telah terhukum untuk mengulang spekulasi ini sejak beratus-ratus tahun, kita pernah menceritakan dalam Dewan ini bahawa macam-macam yang telah digunakan oleh manusia untuk membuat spekulasi ini.

Krisis fenomena spekulasi ini baik 400 tahun atau 500 tahun dahulu, baik awal kurun ini dan mahupun dalam krisis yang kita hadapi sekarang ini serupa sahaja. Tinggal lagi aset yang dijadikan asas spekulasi itu sahaja yang berubah. Dahulu pada tahun kurun yang ke-16 di Belanda habis-habis sangat orang melakukan spekulasi di atas bawang-bawang bunga tulip, bawang bunga tulip itu kira bawang sahajalah, bukan ada apa dan bukanlah mereka itu minat sangat hendak makan bawang itu ataupun hendak tanam pokok bunga tulip itu, hendak tengok bunga tulip itu, tetapi mereka melakukan spekulasi kerana ada peluang hendak buat duit dan harga bawang ini yang dimasukkan sebenarnya ke Belanda daripada Turki telah naik dengan tinggi.

Jadi, semua orang yang tidak sangkut-paut dengan bawang pun hendak beli bawang tulip, fasal apa hendak beli, fasal kalau beli lepas itu pegang sekejap harganya akan naik dan kita boleh buat untung.

Jadi, orang yang jual goreng pisang pun hendak beli bawang tulip sebab dia boleh buat untung. Jadi, harga bawang pun naik lagi dan pasaran telah

menjadi tidak rasional tetapi semua orang tahu bahawa kalau beli, kalau pegang sekejap harga boleh naik dan apabila orang telah menghabiskan simpanan mereka, duit simpanan sendiri untuk membeli bawang ini untuk membuat spekulasi ini, maka datanglah institusi-institusi kewangan yang mengumpul simpanan orang yang sepatutnya melakukan peranan financial intermediation ini untuk pergi beri pinjaman kepada pelbagai sektor lain, mereka pula memberi pinjaman kepada orang untuk melakukan spekulasi ini. Maka pinjamlah pelbagai jenis orang daripada bank dan mereka pinjam duit itu mereka lakukan spekulasi, beli lagi bawang. Dia bukan kisah sangat bawang itu menghasilkan bunga yang merah, putih, kuning atau belang-belang, janji beli bawang pegang sekejap dan harga bawang naik dan jual balik dan lepas itu, institusi kewangan menyokong usaha ini kerana institusi kewangan juga adalah didorong oleh keuntungan.

Jadi, dia melihat boleh kalau beri pinjam kepada orang ini, beli bawang RM100 juta lepas itu duduk dalam enam bulan ambil bawang itu dan guna sebagai collateral sekejap. Apabila bawang itu naik RM120 juta dia boleh bayar balik hutang. Jadi, benda ini berlaku dan keadaan menjadi tidak rasional lagi. Apa yang terjadi ialah banyak duit yang menjana spekulasi ini adalah duit yang dipinjam.

Mana-mana usaha spekulasi pun, tidak kira menggunakan aset apa, logam atau hartanah, bawang, apa jenis aset juga, ia tidak akan berakhir. Ia akan sampai pada satu ketika di mana harga akan menjadi terlalu tinggi dan tidak masuk akal, tidak berlandaskan langsung kepada asas-asas ekonomi dan ia akan jatuh. Sebab itu orang kata “the bubble burst’s”. Benda ini tidak akan berkekalan dan apabila jatuh maka nilai aset yang dijadikan asas spekulasi itu akan jatuh dan apabila nilai yang dijadikan aset, yang dijadikan asas spekulasi itu jatuh, maka yang akan terjejas pertamanya ialah orang yang memegang aset tersebut sebagai collateral dan pihak yang akan memegang aset tersebut sebagai collateral adalah bank. Bank telah memegang collateral yang bernilai katakan

RM100 juta pada satu ketika dan memberi pinjaman RM80 juta. Apabila aset itu jatuh sampai RM40 juta maka bank telah memberi pinjam RM80 juta tetapi memegang aset yang bernilai RM40 juta.

Itulah yang terjadi. Sejarah manusia yang sebegini rupa berulang-ulang dari masa ke semasa dan apa yang berlaku di dalam negara kita ialah ada spekulasi di dalam sektor hartanah dan ada spekulasi di dalam sektor pasaran modal ataupun di dalam saham. Tidak dapat kita nafikan bahawa benda ini berlaku, tidak dapat kita nafikan bahawa perkembangan kredit adalah terlalu tinggi, kita tidak dapat nafikan bahawa perkembangan pinjaman adalah terlalu tinggi sehinggakan pada pertengahan tahun lepas amaun kredit yang dibekalkan di dalam negara kita melebihi saiz ekonomi negara kita sendiri sebanyak 30%. Pinjaman yang ada outstanding adalah 135% daripada saiz ekonomi kita sendiri. Bayangkanlah kita melihat bahawa perkembangan kredit berlaku pada kadar yang cukup tinggi-30% setiap tahun dalam dua, tiga tahun yang lepas. Kita melihat bahawa 25% daripada kredit yang dikeluarkan oleh sistem perbankan, sistem kewangan negara kita telah pergi untuk membiayai sama ada projek-projek pembangunan hartanah ataupun projek-projek pembinaan. Ini adalah merupakan kelemahan dan apabila jadi keadaan seperti ini, maka wujud satu distortion yang cukup berat dalam ekonomi negara kita. Duit ini bukan dia luruh dari langit. Duit ini adalah duit yang kita semua punya. Kadar tabungan dalam negara kita ini adalah antara kadar yang tertinggi dalam dunia, kalau tidak salah saya 38% daripada KDNK adalah ditabungkan. Inilah dia duit yang ada dalam sistem perbankan, dalam institusi kewangan yang digandakan dipinjam-pinjamkan kepada sektor-sektor yang tertentu.

Wang ini adalah terhad dan bergantung kepada banyak mana tabungan yang ada dalam negara kita ini dan kita bernasib baik pada kali ini kerana tabungan negara kita adalah cukup tinggi dan oleh yang demikian, walaupun berlaku proses spekulasi yang saya katakan ini, pinjaman yang terlalu banyak, hutang yang terlalu banyak, tetapi kita hutang daripada luar negara tidaklah

sebanyak Thailand, Indonesia ataupun Korea. Oleh sebab itulah pada hari ini kita masih lagi berdiri di sini tidak seperti Thailand ataupun Korea.

Tetapi hakikatnya duit tabungan ini telah diagihkan dengan secara yang tidak cekap pada pendapat saya dan telah diagihkan dengan didorong oleh spekulasi dalam hartanah dan juga dalam saham dan distortion ini telah menyebabkan crowding out effect untuk memberi pinjaman kepada setkor-sektor lain di dalam ekonomi negara kita. Usaha spekulasi ini juga telah mendatangkan pulangan yang tinggi kepada hartanah dan saham ini sehinggakan mereka yang memanggil diri mereka usahawan lebih suka membuat dua kegiatan ini daripada membuat kegiatan yang lain. Berapa banyak orang tempatan, orang Malaysia, usahawan yang meminjam daripada bank untuk membeli tanah dan membina satu kilang dan kemudiannya membeli jentera, mesin, teknologi untuk menjalankan satu usaha pembuatan? Kalaulah separuh daripada pinjaman yang telah diagihkan kepada sektor perumahan itu diagihkan - kalau tidak ada distortion ini - diagihkan kepada sektor pembuatan dalam negara kita dan sektor itu mengeluarkan barangan yang kita eksport, maka kedudukan ekonomi negara kita hari ini tidaklah menjadi seteruk yang kita ada hari ini. Tetapi oleh sebab projek hartanah mendatangkan keuntungan yang begitu cepat dan begitu tinggi dan manusia itu sendiri terdorong sebagai sebahagian daripada rationalitynya untuk mendapat keuntungan, jadi semua orang ataupun banyak orang pergi kepada sektor-sektor yang dua tadi.

Ini menimbulkan masalah dan seperti rakan saya daripada Tambun katakan tadi, saya pun hairan macam mana bank yang ada dalam negara kita ini, yang kita ini pun, walaupun telah merdeka hanya 41 tahun, kita bukanlah negara yang terdahulu daripada merdeka, kita tidak biasa dengan sistem perbankan. Kita sudah ada bank walaupun bukan bank tempatan, bank daripada penjajah dahulu, tetapi kita sudah biasa dengan industri ini dan kita sudah ada Bank Negara sejak merdeka. Kenapakah kepakaran, kemahiran, judgement, prudence standard yang ada di dalam lembaga-lembaga pengarah

bank-bank dalam negara kita dan di kalangan eksekutif yang ada dalam bank-bank tersebut begitu dhaif sehingga menyebabkan kita ada dalam kedudukan hari ini.

Tidakkah mereka tahu bahawa kita mempunyai kitaran perniagaan, kitaran hartanah di dalam negara kita ini? Kita tahu bahawa sekurang-kurangnya dalam tempoh 25 tahun yang lepas bahawa setiap 12 tahun akan ada naik dan akan ada turun. Tidakkah prudent, tidakkah bertanggungjawab untuk pengurusan dan juga lembaga bank mengambil iktibar daripada situ dalam membuat pengurusan risiko untuk mengurus pinjaman mereka?

Ini merupakan satu kelemahan. Saya cukup hairan kenapakah setelah 40 tahun lebih banyak bank khususnya bank-bank tempatan masih lagi menjadikan usaha memberi pinjaman sebagai usaha kegiatan utama mereka. Peranan bank bukan sekadar mengambil deposit dan memberi pinjaman, bank pada ketika awal betul-betul ambil deposit beri pinjaman, tetapi sepatutnya setelah empat dekad lebih maka sepatutnya wujud bank-bank dalam negara kita ini yang mendatangkan pulangan atau hasil pendapatan kepada bank lebih kepada non interest income yang bukan terjana oleh pinjaman tetapi oleh fee base income, tetapi bank dalam negara kita hampir keseluruhan pendapatannya adalah interest income sebab hampir keseluruhan kegiatannya ialah memberi pinjaman.

Ini menunjukkan bahawa kita tidak melalui proses kematangan dalam institusi kewangan kita. Kita juga rasa bimbang kerana seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang dan juga rakan saya daripada Tambun, mana boleh jadi sehinggakan individu ataupun syarikat tertentu mendapat amaun pinjaman yang begitu banyak yang boleh menimbulkan risiko ke atas bank itu sendiri. Apakah regulatory framework yang ada sekarang ini? Apakah peranan Bank Negara Malaysia? Kalau kita tidak hendak melihat lembaga pengarah bank dan juga eksekutifnya telah jadi tidak ketahuan, apakah regulatory framework yang ada menerusi Bank Negara,

macam mana benda ini boleh jadi sampai macam ini? Macam mana boleh money supply tumbuh dengan begitu besar, begitu banyak, mana boleh kredit tumbuh dengan begitu

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Yang Berhormat katakan mengapa bank-bank itu selalu pinjamkan duit-duit yang besar-besar amaun kepada korporat tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa bank-bank itu mengambil tindakan mengeluarkan duit itu berpandukan nasihat yang diberikan oleh pakar-pakar akaun, pakar-pakar audit yang menyiapkan laporan-laporan profesional terhadap syarikat-syarikat yang nampaknya membuat keuntungan yang besar-besaran sebelum disenaraikan. Tetapi, nampaknya selepas setahun atau dua tahun selepas disenaraikan keuntungan itu pun hilang dan syarikat yang disenaraikan itu pun menunjukkan kehilangan kerugian besar.

Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau kaitkan ini dengan profesionalisme badan-badan akaun dalam negara kita ini? Terima kasih.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak mahu membuat satu penghakiman terhadap badan-badan ikhtisas seperti akauntan dan juga valuers pun terlibat juga dalam cerita menilai aset-aset ataupun cagaran ini dan juga banyak badan ikhtisas yang sepatutnya dalam kapasiti masing-masing merupakan pintu-pintu yang memang kita letak dalam sistem kita ini. Kita letak pintu, kena lalu pintu ini, lepas itu buka pintu ini kena lalu pintu ini dan ini pintu valuer, pintu auditor, pintu management, pintu lembaga pengarah, tetapi kalau pintu itu semua terbuka, jadi terjadi benda yang macam ini.

Saya pun telah hilang line of thought..... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Kamal bin Saleh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Wangsa Maju bangun.

Dato' Dr. Kamal bin Saleh: Tuan Yang di-Pertua, hendak tolong Yang Berhormat supaya balik kepada line of thoughtnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau bahawa satu pendapat mengenai masalah terjejasnya proses perantaraan bank ini ataupun financial intermediation ini adalah masalah moral hazard, bahasa Malaysianya pun saya belum dapat pasti lagi, tetapi sebagai menjelaskan sedikit, oleh kerana kemungkinan ada pendapat di kalangan bankers yang mengatakan bahawa kerajaan sedikit sebanyak akan mengguaranteekan apa deposit yang telah pun dipungut oleh bank tersebut.

Jadi, apabila dibuat pinjaman, dan pinjaman itu terjejas sebagai contohnya, maka sedikit sebanyak kerajaan akan menyelamatkan bank melalui deposit guarantee yang dibuat oleh kerajaan. Minta penjelasan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, itulah kita dalam kerajaan sentiasa terhimpit di antara dinding dengan satu benda yang keras, maknanya kedua-dua belah susah. Kalau masa pertumbuhan yang begitu cepat terdapat satu tanggapan bahawa ada guarantee, maknanya boleh gagal tetapi kegagalan itu akan ditanggung oleh satu pihak yang lain. Dalam keadaan sebegini sudah tentu prudent standardnya itu telah jatuh. Kita pinjam benda ini kalau tak jadi pun ada orang tolong, bank pun dia kata kalau beri pinjam pun kalau perniagaan dia tak jadi ada yang tolong, jadi itu adalah persoalan morale hazard yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kawan saya dari Wangsa Maju, tetapi sekarang ini kita sangkutlah. Sekarang NPL tinggi, bank sudah menghadapi masalah kecairan yang menyebabkan ramai orang menghadapi masalah, jadi kita kena tubuhkan juga Pengurusan Danaharta ini kerana kalau kita tidak pergi tolong pula bank-bank ini maka sakitlah pula keseluruhan ekonomi negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedang bercakap fasal apa tadi sebelum Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, ya tentang bank. Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku kepada negara kita ekoran daripada serangan spekulasi ke atas mata wang kita merupakan satu kejutan yang telah memperkenalkan satu shock kepada sistem ekonomi kita. Kalau kita prudent dalam sistem kewangan kita, dalam pengurusan bank kita, dalam pengurusan institusi-institusi kewangan kita, maka kita akan kena juga kesan buat spekulasi, tetapi kesannya tidaklah seteruk yang kita ada hari ini.

Saya rasa cukup dukacita dengan tahap, kepakaran dan kemahiran yang ada dalam institusi kewangan kita, bank-bank kita, bukan baru Maybank sudah lama, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, banyak bank yang lain, Sime Bank dan sebagainya sampai sakit macam itu, RHB dan sebagainya, macam mana boleh jadi sampai macam itu. Kesannya tidak akan menjadi seteruk hari ini. Kalau pengurusan bank, institusi kewangan adalah elok seperti yang sepatutnya. Ini kita lihat hari ini sudah 15 atau 16 brockorage firm yang telah dihalang untuk melakukan dagangan daripada jumlah 60 bank kita tahu banyak bank tidak mempunyai kecairan dalam insitutsi mereka, jadi mereka pun tidak mampu hendak memberi pinjaman.

Sekarang ini orang-orang yang kecil-kecil yang hendak berniaga, yang saya jumpa hendak pinjam RM100,000, jangankan hendak pinjam RM100,000 hendak minta credit facility, overdraft facility RM100,000, jadi dia pergi kepada bank, bank kata you beri RM100,000 kami berilah overdraft RM100,000. Dahulu bolehlah kita minta two to one, sekarang bank minta collateral one to one. Jadi orang kecil-kecil yang hendak berniaga sekarang ini yang berniaga betul-betul tetapi yang kecil-kecil seperti kontraktor Kelas F dan sebagainya yang kecil-kecil jadi supplier, vendor dan sebagainya, vendor susahlah - Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk, dia boleh cerita fasal vendor - teruk, tetapi yang benar-benar perlukan pembiayaan credit facility ini dia tidak boleh dapat. Kita fikir balik kenapa kesannya jadi macam ini. Ahli

Yang Berhormat dari Machang tadi kata, ada orang pinjam buat housing loan RM1,200 sekarang sudah bayar RM1,500 atau RM1,600. Semua orang kena bab ini, saya juga kena. Housing loan saya pun naik, memang bank tak perlu cakap kepada kita, dia adjust ikut BLR, jadi semua orang rasa kesan ini dan kita rasa yang menyebabkan benda ini berlaku ialah pengurusan bank yang tidak bertanggungjawab. Kalau bank prudent benda ini tidak akan terjadi. Adalah cukup susah untuk satu orang ahli politik macam yang ada dalam Dewan ini hendak pergi menjelaskan kepada orang yang ramai. Mereka kata ini apa ini Yang Berhormat interest rate naik ini, hendak bayar balik pinjaman ini naik ini. Susah kita hendak jelaskan, hendak katakan ini semua berpunca daripada bank, sebab itu sekarang ini orang pula marah kepada bank sebab bank tidak beri pinjam dan orang pula marah kerajaan sebab interest rate tinggi. Interest rate tinggi sebab duit sudah tidak ada, terpaksa dikenakan interest rate yang tinggi dan kita pula berdepan dengan orang attack kita punya ringgit dan interest rate differential antara kita dan negara jiran adalah terlalu tinggi, jadi, cukup susah.

Saya mengambil kesempatan dalam membahaskan rang undang-undang ini untuk meluahkan perasaan ini kerana kita telah beberapa kali meluahkan perkara yang sama, tiga tahun dahulu, dua tahun dahulu, setahun dahulu. Tiga tahun dahulu dalam ucapan Belanjawan 1996 pada bulan Oktober 1995 kita telah menimbulkan masalah asset inflation ini, masalah credit expansion yang terlalu tinggi, masalah adanya speculation, masalahnya kemungkinan ringgit pada ketika itu adalah sedikit over value di“peg” dengan US Dollar tetapi kita bercakap jugalah setiap tahun. Jadi sekarang ini pun sudah menjadi kita teruslah juga bercakap, kawan saya dari Wangsa Maju pun bercakap fasal benda yang sama juga.

Tuan Yang di-Pertua, jadi satu perkara yang sepatutnya berlaku kerana kita tahu bahawa dalam pembangunan negara kita ini kita perlukan modal dan modal bukan sahaja dalam bentuk pinjaman tidak semestinya pinjaman dari bank. Satu kelemahan yang orang bercakap ialah seperti rakan saya daripada

Tambun cakap ialah kita punya private debt securities market, pasaran bon kita adalah belum terbangun dan ini menyebabkan semua pembiayaan pelaburan yang diperlukan adalah disumberkan daripada pinjaman. Jadi, jadilah seperti sekarang ini dan yang menjadi cagaran ialah saham dan juga hartanah, kita cukup takut sekarang ini.

Saya mengemukakan sedikit pandangan peribadi saya dengan sedikit apa yang saya tahu tentang ekonomi ini. Kita takut sekarang ini kita baru lihat kesan kejatuhan nilai harga saham. Yang kita lihat hari ini ialah kesan daripada kejatuhan satu daripada aset yang telah dijadikan asas spekulasi iaitu saham. Saham telah jatuh daripada indeks 1,200 sehingga 400. Turun lagi agaknya - 400 lebih sedikit sahaja. Hari ini saya tidak tengok pun lagi dan apa masalah yang dihadapi oleh institusi kewangan negara kita berpunca daripada kejatuhan satu aset sahaja iaitu saham tetapi ada lagi satu aset yang telah dijadikan bahan atau asas spekulasi adalah hartanah. Yang mana kesan kejatuhan harganya belum lagi dapat kita lihat dengan jelas. Memang dalam primary market ini iaitu pasaran mula yang pemaju hendak jual mungkin kita tidak nampak kejatuhan harga aset hartanah ini. Tetapi dalam secondary market, transaction kedua dan ketiga mungkin telah ada. Bayangkanlah kalau terjadinya kejatuhan aset hartanah ini bagaimana kesannya kepada ekonomi negara kita dan kepada seluruh sistem perbankan dalam negara kita. Saya bukan hendak perkara ini terjadi. Apabila terjadi saya pun teruk sendiri dan apabila election saya pun akan kalah. Parti yang saya sayang dan saya dukung itu boleh terjejas kedudukannya. Kita tidak mahu perkara ini terjadi. Tetapi kita hendak kata perkara ini menjadi lebih teruk lagi sekarang ini.

Kita ibaratkan ekonomi negara kita sekarang ini macam satu orang yang mana telah mengalami luka dan darah telah keluar. Kalau kita tahu telah keluar tiga pain dan sekarang ini hendak buat ia elok balik tidak apa. Maknanya kita telah tahu telah keluar 3 pain ataupun keluar segelen. Jadi apabila darah tidak keluar lagi kita boleh fikir macam mana hendak buat blood transaction ke,

hendak suruh dia tidur sekejap ke, hendak beri dia makan hati atau limpa kerana hendak tambah darah. Tetapi sekarang ini kita takut kalau darah itu keluar lagi. Ia keluar kurang sedikit. Kita tidak tahu ia telah keluar empat pain, hendak keluar satu pain lagi ke ataupun hendak stop. Jadi keadaan mungkin lebih teruk sedikit daripada ini dan itu lebih menyusahkan kita. Jadi kita melakukan usaha ini dan menubuhkan perbadanan pengurusan dana hartanah ini kerana kita kena berdepan dengan masalah ini.

Saya mengambil kesempatan ini hendak ingatkan kita dan mempelajari daripada pengalaman kita ini. Semua orang telah membayar harga yang cukup tinggi untuk berdepan dengan krisis ini. Adalah tidak patut sekali if we pay the price and we don't learn the lesson. Memang proses naik turun ekonomi ini daripada satu keseimbangan kepada satu keseimbangan yang lain adalah satu proses yang destructive, yang merosakkan dan memusnahkan. Mana-mana kali ada proses pengubahsuaian daripada satu kedudukan kepada kedudukan yang lain dalam ekonomi ini ia very destructive dan dalam destruction itu macam-macam failures of bank dan juga failures of business, bankruptcy, peribadi dan sebagainya. Jadi itu kita kena terima tetapi diharap selepas kita keluar daripada masalah ini, selepas kita baik balik dan kita kena yakinlah kita kena boleh baik balik. Macam orang tadilah kalau dia tidak baik balik orang itu sakit, dia kena beri baik baliklah. Kalau tidak baik dia mati terus. Jadi sebuah negara tidak boleh mati jadi kita akan pulih kembali. Yang penting ialah apabila kita pulih kembali kita hendaklah mempunyai ingatan yang panjang dan kita punya memori kena panjang sedikit supaya kita tidak mengulangi lagi kesalahan dan perkara-perkara yang telah kita lakukan dan kita boleh melengahkan tempoh sekali lagi hendak jadi perkara ini.

Percayalah selagi manusia itu manusia maka kitaran spekulasi ini akan berlaku sekali lagi tetapi kita harap selepas kita elok tidak perlulah lagi 10 atau 15 tahun hendak terjadi sekali lagi. Mungkin kalau ingatan kita bagus kita

mungkin tangguh sehingga 30 tahun, saya pun sudah tua ketika itu dan saya tidak perlu lagi duduk di sini dan bersusah hati pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi ialah saya mencadangkan sebab saya tidak melihat Akta Perbankan dan Institusi Kewangan secara teliti. Kita hendaklah kalau tidak ada, kalau saya tersilap perbetulkan. Satu perkara yang kita hendak minta dikaji oleh Kementerian Kewangan mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju tadi. Moral hazard tadi. Dalam struktur hak milik syarikat dalam negara ini tidak boleh ada satu kumpulan (group of companies) yang memiliki ia subsidiary property dan satu lagi subsidiary banking ataupun finance. Perkara ini tidak boleh terjadi, kalau perkara ini dibenarkan sekarang dan saya ingat ianya dibenarkan sebab saya tengok banyak annual report, listed companies. Apabila ia senaraikan dia punya struktur pemilikan itu ada subsidiary buat property ada subsidiary buat sama ada syarikat kewangan ataupun bank. Jadi incestuous relationship seperti ini ia 'incest' ini. Orang tidak beri buat macam ini kerana dia.... apa muhrim.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:apa? Incestuous relationship. Sebab yang satu itu melakukan perniagaan

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: *[Menyampuk]* 'Sumbang muhrim'.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: 'sumbang muhrim'. Sebab yang satu itu melakukan perniagaan dan yang satu lagi ialah satu institusi kewangan yang sepatutnya mengenakan kayu ukur yang tertentu untuk membuat keputusan sama ada membiaya ataupun tidak membiaya. Tetapi kalau ada 'sumbang muhrim' yang macam ini susah sebab sekejap lagi walaupun ahli lembaga tidak duduk dalam lembaga itu tetapi apabila kita tengok balik ke atas dia punya owner adalah sama. Jadi susah, pegawai yang hendak buat kerja dalam bank itu pun menghadapi masalah. Hendaklah kita timbulkan keyakinan di kalangan orang yang berniaga dan juga penganalisis ekonomi dengan kita

mengadakan satu regulatory framework yang mengekalkan armslength relationship antara bank sebagai institusi kewangan dan syarikat firma-firma perniagaan di satu pihak. Kita tidak boleh ada incestuous relationship seperti ini kerana ini merupakan salah satu punca moral hazard yang dibangkitkan tadi. Kita beri pinjam kepada subsidiary sendiri, jadi standard yang kita kenakan dalam penilaian itu kita rasa tidak mengapalah beri pinjam kepada subsidiary sendiri, kalau tidak jadi pun subsidiary sendiri. Kita boleh absorb perkara ini tetapi kalau banyak sangat terjadi perkara itu tentulah menjadi masalah kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah ekonomi yang cukup unik. Kita kena ingat perkara itu kerana tidak banyak negara dalam dunia ini yang berkongsi ciri seperti yang ada dalam Malaysia. Kita mempunyai satu sejarah dalam negara kita ini daripada sejak 500 tahun dahulu, 400 tahun dahulu bahawa kita adalah sebuah negara dagangan. Kita menjadi sebuah negara seperti yang kita ada hari ini komposisi dalam Dewan ini dengan orang-orang yang berlainan sebab sejarah political ekonomi negara kita adalah sejarah pedagang dan sampai sekarang ini kita adalah sebuah negara berdagang. Negara berdagang bermakna integrasi dengan ekonomi dunia adalah begitu tinggi sekali. Ingin saya ulangi satu ciri yang pernah saya kata dalam Dewan ini, hanya ada tiga buah ekonomi ataupun negara dalam dunia ini yang mana nilai eksportnya campur dengan nilai importnya adalah melebihi daripada keseluruhan saiz ekonomi negara.

Bayangkanlah sekarang ini pun 50% daripada apa yang dikeluarkan nilai dalam ekonomi ini adalah untuk dieksport. Mana ada negara dalam dunia yang mempunyai sifat, struktur ekonomi yang begitu? Kalau kita campurkan nilai import dan nilai eksport ia lebih besar daripada saiz ekonomi. Dua negara sahaja yang mempunyai nilai tersebut iaitu Singapura dan juga Hong Kong tetapi Singapura dan Hong Kong bukan negeri betul. Singapura dan Hong Kong ia seperti bandaraya sahaja. Ia adalah dua pelabuhan bebas, ekonomi bandaraya pelabuhan bebas. Kerjanya beli-jual, beli-jual, beli-jual, sebab itu saiz perdagangannya lebih besar daripada saiz ekonominya. Tetapi kita negara

betul, bukan macam Singapura dan Hong Kong. Negara kita dikira betul-betul ada Semenanjung, ada Sabah, ada Sarawak, kira solid ada negeri. Ada sektor perdagangan, sektor pertanian, semua ada. Jadi, negara kita betul. Macam banyak negara-negara lain, tetapi kita mempunyai ciri betul-betul ekonomi macam itu. Jadi, kita terdedah ataupun mendedahkan diri kita secara bukan dipaksa, tetapi memang sebagai satu hakikat kepada penghakiman dan penghukuman pasaran dunia sama ada pasaran perdagangan merchandise ataupun pasaran kewangan. Orang duduk dalam gelanggang macam Malaysia ini kita kena mempunyai standard yang tinggi daripada negara yang bukan semacam itu, kerana kita terbuka seperti itu. Kita hendak duduk dalam gelanggang itu kita kena cukuplah – macam duduk dalam gelanggang tertentu kalau tidak cukup buah silatnya, bila masuk memang out.

Jadi, kita sudah tahu kita hendak duduk dalam gelanggang itu kita kena persiapkan diri kita dengan buah-buah silat yang cukup supaya bila kita duduk di situ orang tidak tendang kita keluar. Kalau kita tidak mahu duduk dalam gelanggang itu pun tidak boleh sebab kita memang negara yang macam itu. Jadi, itulah sebab ethical standard, management standard, regulatory standard, semua standardlah, orang dan sebagainya kena tinggi. Kalau tidak, bagaimana kita hendak survive dalam ekonomi yang globalised ini. Kita hendak lari daripada hakikat itu pun tidak boleh. Takkan kita tidak mahu trade. Kalau kita tidak mahu trade, maknanya separuh daripada ekonomi kita hilang, tinggal setengah daripada yang berada sekarang ini. Itu tidak boleh.

Jadi, itulah yang kita kena terima sebagai satu hakikat. Saya benar-benarlah berdoa semoga kita diberi kekuatan untuk berdepan dengan masalah ini. Kerana bukanlah sesuatu yang mendatangkan kepuasan kepada kita untuk melihat berlakunya masalah dalam negara kita sendiri. Kita hendaklah memberi tumpuan untuk mengatasi masalah ini. Ada benda yang berpunca daripada kita yang perlu kita perbaiki dan kita terima sebagai pengajaran untuk hari esok, lusa dan seterusnya. Tidak ada siapa yang boleh membuat satu unjuran memperkatakan bahawa berapa lama lagi hendak boleh elok. Takrif 'elok' itu pun kita tidak berapa tahu lagi. Tetapi kita hendaklah bersedia untuk berdepan dengan kesusahan seperti Ahli Yang Berhormat dari Machang kata tadi.

Sebahagian daripada proses pemulihan ekonomi negara pula yang dukacitanya bergantung kepada faktor daripada luar negara kita dan di luar kawalan kita. Apa yang berlaku dan apa yang akan berlaku kepada mata wang Hong Kong dan apa yang akan berlaku sama ada Cina akan devalue Renminbi ataupun tidak akan mempunyai kesan yang cukup besar ke atas nilai ringgit dan juga ke atas keyakinan orang. Satu masalah yang ada di Malaysia sekarang ini dan juga yang ada di rantau ini ialah ketidakpastian. Orang tidak pasti tentang regim polisi yang akan dipakai dan orang tidak pasti luka yang menyebabkan darah itu keluar telah baik atau tidak. Ataupun kalau ada dua luka, satu sudah baik, satu lagi bila hendak baik.

Jadi, selagi ketidakpastian ini tidak diselesaikan selagi itu kita akan berada dalam keadaan yang macam ini. Sekejap lagi 3.8, 3.9, naik 4.2, turun 4.1. Jadi, kalau macam itu keadaannya, orang tidak boleh buat keputusan. Orang hendak tunggu sampai ada satu kepastian. Kita hendaklah tunjuk di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita pun mempunyai satu kepastian dari segi dasar yang hendak kita laksanakan dalam negara kita ini untuk kita mengatasi masalah ini. Kita mempunyai majoriti yang besar dalam Dewan ini dan kita hendaklah mempunyai satu kesatuan tentang apa yang kita hendak buat. Sudah lebih daripada 12 bulan, kalau kita kira daripada bulan Jun tahun lalu kita berdepan dengan masalah ini. Sekarang ini tiba masanya, sepatutnya lebih awal lagi mempunyai satu suara yang sama supaya semua orang tahu, baik yang duduk dalam negara atau yang duduk di luar negara tahu bahawa Malaysia ada masalah, mengakui ada masalah dan sekarang ini hendak melakukan dasar macam ini, macam ini, macam ini dan kita terus dengan begitu supaya tidak ada ketidakpastian. Ada banyak ketidakpastian, ketidakpastian ekonomi, ketidakpastian politik, ketidakpastian macam-macam. Jadi, kita kurangkanlah ketidakpastian ini supaya kita boleh bergerak sebagai satu negara.

Saya yakin, pembangkang yang tidak ada dalam Dewan hari ini seorang pun patut dalam kita berdepan dengan masalah ini kita sama-sama mengambil

langkah untuk kita selesaikan masalah ini. Saya juga minta kalau ucapan macam hari ini, kita bukan hendak tegur, tetapi kita hendak beri pandangan untuk kita sama-sama berdepan dengan masalah ini. Saya yakin satu rumusan dasar yang terhasil daripada percambahan/percanggahan pendapat yang banyak akan menghasilkan rumusan yang lebih kuat daripada satu rumusan yang terhasil daripada percambahan/percanggahan pendapat yang kurang. Jadi, saya hanya cuma mahu menyumbang kepada percambahan/percanggahan pendapatan itu untuk mudah-mudahan kita dapat menghasilkan satu rumusan yang lebih jitu, yang lebih padu.

Saya akhiri dengan berharap bahawa entiti yang kita hendak wujudkan ini, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini yang saya tidak sentuh secara terperinci boleh berjaya. Sebenarnya kita bercita-cita hendak tutup yang ini cepat-cepat. Sebab seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tadi kita buat benda ini, kita tidak hendak wujudkan satu monster yang hidup sampai lama. Kejayaan kita bergantung kepada bilakah kita akan mansuhkan akta ini. Maka kita hendaklah ada satu resolve, matlamat kita ialah hendak tunggu pada satu ketika dibentangkan satu rang undang-undang untuk memansuhkan Rang Undang-undang Pengurusan dan Danaharta Nasional Berhad ini. Kerana apabila kita mansuhkan rang undang-undang yang kita hendak luluskan hari ini, maka itu telah menunjukkan bahawa kita tidak perlu lagi benda ini dan kita telah berjaya. Itu cita-cita saya.

Kalau hendak kata sebelum habis penggal ini tidak berapa hendak bolehlah. Tetapi kita tak kisah. *[Ketawa]* Kalau boleh kita mansuhkan akta dalam tahun 2000 sebelum habis penggal ini, maka kita telah berjaya. Jadi, dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Wangsa Maju.

6.08 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan diberikan untuk saya membahas Rang Undang-Undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama rakan-rakan yang telah mendahului saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan dan mengalu-alukan cadangan rang undang-undang ini yang akan membolehkan diwujudkan Pengurusan Danaharta Nasional yang telah pun diumumkan tempoh hari oleh Menteri Kewangan dan kerajaan. Kita memang memahami dan mengambil pengertian yang sungguh mendalam bahawa cadangan ini dan rang undang-undang yang dibahaskan ini adalah satu rang undang-undang yang merupakan perhatian yang cukup mendalam oleh kerajaan atas masalah ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Saya tahu masalah ini kita bangkitkan setahun dahulu apabila keadaan kegawatan ekonomi sudah nampak tanda-tandanya. Bagaimanapun, memang dalam soal mencari penyelesaian, banyak perkara yang perlu diambil kira. Dalam hal ini, banyak perkara yang perlu diambil kira itu kadang-kadang tidak dalam kawalan kita kalau pun kita hendak mengawalinya. Dalam soal inilah maka soal globalisasi, soal yang berkaitan dengan serangan ke atas ekonomi kita daripada luar dan sebagainya menjadi satu punca yang melemahkan bukan semangat, tetapi usaha kita untuk mengatasi masalah yang kita hadapi tersebut.

Bagaimanapun, kalau kita hendak mengagihkan kesalahan kepada mana-mana pihak memang itu satu yang boleh dilaksanakan, dibuatkan tetapi masa ini bukan masanya untuk kita membuat sedemikian. Masa sekarang ini kita memahami tentang masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan juga dihadapi oleh ekonomi. Soalnya ialah apakah yang harus kita laksanakan. Maka dengan itulah saya sungguh bangga bahawa pihak kerajaan telah mengesyorkan untuk menubuhkan Danaharta ini. Kerana satu-satunya masalah yang kita hadapi ialah masalah kekangan mudah cair.

Kita tahu bahawa kalau hendak diikuti hujahan oleh saudara saya dari Balik Pulau yang mendedahkan dan mengulas begitu mendalam dan sungguh baik tentang isu keruntuhan sistem perantaraan kewangan negara kita, sebagai satu daripada punca utama mengapa kita sampai ke tahap ini di mana hutang usang (NPL) ini sampai ke peringkat begitu. Iaitu masalah utama ialah kerana kita meminjam lebih daripada pengeluaran kita setahun. Maknanya, dari segi jumlah hutang yang telah dikeluarkan oleh bank commercial berbanding kerajaan berhutang tetapi tidaklah sebesar tahun 1985/86 telah sebenarnya menjadi asas ataupun punca utama kemelesetan-kemelesetan dan kegawatan ekonomi masa itu.

Pada masa sekarang ini kegawatan dan punca ataupun masalah yang besar bagi kita untuk menghadapi dan menangani kegawatan ini ialah masalah pinjaman yang berlebihan oleh sistem kewangan tersebut. Sama ada masalah-masalah itu disebabkan oleh apa yang disebutkan sebagai 'moral hazard', kurang kecekapan dalam pengurusan bank, kurang kecekapan dalam pengawalan bank daripada pihak yang tertentu dan keputusan-keputusan pinjaman yang dibuat sehinggakan tidak mengambil kira, standards of banking prudence sebagainya.

Ini memang boleh kita bincang dan dalami dan pertikaikan; malah pihak yang berkaitan harus mengambil iktibar dari masalah sekarang ini dan juga memahami apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau. Begitu juga Yang Berhormat daripada Tambun membangkitkan isu bagaimana ekonomi kita ini - juga telah dibangkitkan oleh Balik Pulau – bergantung sangat kepada pembiayaan melalui hutang, melalui hutang atau debt financing, dengan izin. Syarikat kurang sangat menggunakan kaedah-kaedah lain yang lebih canggih ataupun cuba 'diversify'kan sumber pembiayaan supaya risiko daripada pinjaman yang dikeluarkan itu dapat dikawal dengan portfolio yang sewajarnya.

Jadi, dalam hal inilah, maka soal berkaitan dengan pembentukan, pendalaman dan pembesaran pasaran bon ataupun lain-lain instrument sekuriti pinjaman harus kita galakan. Bukan kerajaan tidak mengerti tentang soal ini, malah disebut dalam pelbagai laporan Bank Negara, dalam pelbagai cadangan untuk memperkukuhkan pasaran modal dalam negara, termasuk pasaran saham. Semua masalah ini, kita dalam keadaan ekonomi maju dengan begitu pesat selama 10 tahun selepas kegawatan tahun 1985/86 mungkin membuat, kita alpa bahawa apa yang dikatakan putaran ekonomi itu sebahagian daripada ekonomi yang terbuka. Malah ekonomi ini semakin terbuka bukan sahaja disebabkan oleh unsur-unsur global yang dimaksudkan awal tadi.

Oleh kerana kita begitu tercakup dalam ekonomi dunia ini, maka kita mendasarkan pembangunan negara kita atas struktur tersebut. Jadi dengan itu apa yang kita hadapi dalam kemelesetan sekarang ini ialah soal yang cukup penting sekali iaitu masalah pinjaman usang. Dalam hal ini, saya bersetuju dan mengakur dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu undang-undang ini adalah undang-undang krisis. Ianya harus dipercepatkan, dilaksanakan secepat mungkin dan perbadanan ini ditubuhkan dengan pegawai-pegawai yang profesional dan berkaliber dan berkelayakan dengan segera.

Segala apa undang-undang yang kita gariskan untuk pelaksanaan pengurusan Danaharta ini dan pengurusan NPL ini haruslah telus dan jelas pada semua pihak. Kita sendiri akan berdebat selama dua hari dalam Dewan ini pada hari ini, bukan semuanya dapat dikupas dan diulas atas peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang ini. Bagaimanapun, yang tidak dapat kita elak adalah peruntukan-peruntukan yang penting.

Jadi, dalam soal yang dibangkitkan oleh Machang sebagai contoh – tentu sekali kita khuatir kalau undang-undang ini “ultra vires” perlembagaan; tetapi tentu sekalilah pihak kerajaan tidak begitu kurang bijak dalam proses membuat undang-undangnya ini. Atau tidak mengambil kira bahawa masalah yang sama

ini dihadapi oleh negara-negara lain, mungkin lebih teruk. Bagi Korea, Thailand dan Indonesia – hutang swasta mereka jauh lebih besar daripada kita walaupun GNP mereka juga lebih besar daripada kita. Tetapi puratanya ataupun mengikut peratusannya jauh lebih teruk, melibatkan beratus-ratus bilion.

Kita telah mengeluarkan sebanyak RM480 bilion pinjaman melalui bank-bank komersial. Kalau tadi disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri bahawa NPL itu pada kadar lebih kurang 10%, bermakna NPL lebih kurang RM40 bilion. Kalau kita hendak membiayai melalui perbadanan ini pada tahap RM15 bilion, ada lagi lebih kurang RM25 bilion yang tidak terbiayai. Perkara ini juga akan menimbulkan satu hal dalam soal bagaimana cara ini dapat mengatasi masalah NPL ini. Itulah sebabnya memang saya berasa yakin bahawa cadangan atau saranan yang ketiga yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri semalam dalam ‘ministerial statement’nya bahawa kita mesti melihat penubuhan Danaharta ini melalui undang-undang yang baru ini sebagai sebahagian daripada empat cara untuk mengatasi masalah semasa ini.

Kerana masalah sekarang ini bukan lagi masalah kita boleh berlengah-lengah sampai darah sudah mengalir dijalan, atau ‘more blood in the street’ seperti kata analyse asing dan kerajaan asing. Namun kita sudah merasa dari segi masalah kegawatan kemelesetan ini sama ada individu, syarikat mahupun kerajaan sendiri. Dalam hal inilah kita rasa dan pasti bahawa pengumuman yang terakhir ini yang baru dibuat semalam di mana Danaharta ini sebahagian daripada 4 cara untuk mengatasi masalah krisis kewangan negara kita sebagai punca kemelesetan ekonomi ini, iaitu bersama dengan Jawatankuasa, Penyelia Pembinaan Semula Bank, juga soal berkaitan dengan

penyusunan semula korporat. Semuanya ini memberi sumbangan termasuk defisit financing, terhadap menangani masalah kewangan ini dengan lebih jitu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal inilah maka saya menyokong peruntukan-peruntukan di bawah rang undang-undang ini. Saya ada beberapa isu yang berkait dengan peruntukan-peruntukan khusus kerana kita mesti faham bahawa tujuan rang undang-undang ini bukanlah untuk mendakwa ataupun untuk menghukum dan mendenda pihak-pihak yang terlibat dalam NPL ini, walaupun undang-undang tentang bankrupsi dan sebagainya sudah ada dalam Akta Syarikat dan sebagainya serta, undang-undang yang berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Balik Pulau berkaitan dengan “firewall” antara syarikat ‘conglomerate’ yang mempunyai bank dan syarikat hartanah sebagai anak syarikat, yang tidak membolehkan mereka meminjam daripada atau memberi pinjaman kepada subsidiary mereka tersebut.

Selain itu mungkin ada cara lain di mana soal ini dapat diatasi melalui hubungan antara bank-bank dan pelanggannya. Kita faham, tetapi soalnya ialah dalam keadaan kita menghadapi masalah kegawatan kewangan ini, cadangan ini bertujuan untuk memberi satu cara bagi syarikat-syarikat yang menghadapi masalah-masalah kekangan mudah cair sebagai satu punca utama meliputi keseluruhan sistem bank kita. Bukannya kerana bank kita mempunyai masalah tersebut, seluruh negara dan ekonomi mempunyai masalah tersebut. Inilah tujuan usul ini, dan saya menyokong kerana ini telah kita cadangkan untuk mengembalikan mudah cair ke dalam sistem ekonomi kita ini.

Dengan cara yang demikian kita dapat membeli masa ‘we buy time’ untuk dapat membuat adjustment dan penyesuaian syarikat-syarikat, dan usahawan-usahawan, sama ada besar ataupun kecil dalam menangani kegawatan ini. Saya melihat antara komentar-komentar analyst mengatakan bahawa kita tidak akan dapat mengatasi masalah ini ataupun dapat memulih semula ekonomi kita ini dalam masa dua tahun ini. Tentu sekali pula oleh

kerana ianya akan mengambil masa, maka kita tidak boleh mengharapkan 'a quick fix' dalam kita menangani pengurusan ekonomi ini.

Jadi, itulah sebabnya inilah satu rang undang-undang yang cukup penting, tetapi pihak pembangkang tidak pun ada dalam Dewan. Kita tidak tahu sama ada mereka merasakan ini tidak penting. Bagaimanapun, kita berdebat di sini, supaya kita dapat meluahkan ataupun menjelaskan perasaan kita seperti yang diluahkan oleh rakan saya daripada Balik Pulau. Saya cukup bangga dengan ucapan beliau, beliau sungguh menghujah dengan perasaan, bukan perasaan semacam orang politik iaitu berkata-kata kerana politik, tetapi benar-benar merasakan keadaan kita ini perlu diatasi dan harus diatasi demi kepentingan masa depan generasi depan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil titik tolak daripada hujah yang terakhir yang saya sebutkan tadi iaitu rang undang-undang ini bertujuan menyelamatkan keadaan sektor ekonomi yang bergantung kepada pinjaman di mana sistem pinjaman itu telah terjejas. Ianya tidaklah seteruk negara-negara lain, saya akur dengan perkara itu, tetapi teruk juga bagi kita untuk mengatasinya. Dalam hal inilah maka peruntukan rang undang-undang ini perlu jelas, harus jelas kerana kalau dibaca dua atau tiga hari tidak cukup kerana bahasa legalnya kadang-kadang kita tidak faham. Tetapi sekurang-kurangnya dari konsep dan semangatnya harus jelas dan inilah yang ingin saya tekankan.

Dalam hal ini isu pembiayaan Danaharta ini tidak dibangkitkan dalam soal ini yang dibangkitkan hanya sedikit sahaja iaitu ekuiti kerajaan. Tetapi bagi Danaharta mengambilalih NPL sistem bank ia perlu pembiayaan yang besar. Pembiayaannya datang dari mana? Melalui bon yang dikeluarkan di luar negeri atau pun dalam negeri. Bermakna bahawa isu pricing, isu penilaian risiko oleh pelabur-pelabur tersebut akan diambil kira oleh mereka dan ini bermakna sama ada keputusan yang akan dibuat oleh pelabur-pelabur dalam negeri atau luar negeri bergantung kepada risiko instrument atau bon yang

akan dikeluarkan oleh Danaharta. Ini bergantung kepada kedudukan ekonomi negara, ianya bergantung kepada kemungkinan dasar-dasar pemulihan ekonomi yang akan kita laksanakan ini memberi kepercayaan kepada pelabur-pelabur tersebut yang mereka bila masuk melabur dalam bon-bon Danaharta ini akan dapat risiko yang rendah agar dapat mengembalikan balik pelaburan tersebut dengan keuntungan yang berpatutan.

Kita hendak mengelak spekulasi, kita tidak mahu 'short term' atau "hot money" masuk, walaupun ini telah memberi ransangan dan menjanakan pembangunan ekonomi dan pertumbuhan yang begitu pesat dalam lima, enam tahun lepas. Namun kita tidak mahu ianya apabila sudah puas menghisap madu dari negara kita ini dia keluar lari ke tempat lain, kerana Eropah dan Amerika Syarikat di Wall Street begitu ghairah dengan kenaikan harga saham-sahamnya. Jadi kita hendak orang yang masuk ke negara kita nanti untuk melabur, bukan spekulasi sahaja, tetapi melabur dengan pandangan jangka panjang, dan mengingatkan mereka sebagai pelabur yang memerlukan keuntungan untuk memahami masalah-masalah dalam negeri kita juga, iaitu mereka mendapat keuntungan tanpa menjejaskan masa depan kita sendiri.

Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian tentang beberapa isu yang bagi saya kurang jelas, salah baca atau pun tidak cukup membaca dan memahaminya, namun ini sangat penting. Pertamanya, difahamkan kalau NPL itu melibatkan syarikat-syarikat yang telah diberi projek di bawah skim penswastan atau apa-apa arahan yang diberi, pinjaman oleh bank untuk pembiayaan penswastan infrastruktur, bahawa syarikat-syarikat tersebut walaupun menghadapi masalah NPL atau bersangkut paut dengan ekuiti dan sebagainya, ianya tidak terangkum dalam bidang NPL bagi Danaharta ini. Ini mengingatkan bahawa syarikat-syarikat tersebut boleh mendapatkan pinjaman melalui tabung khas yang lain iaitu tabung infrastruktur yang telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM7 bilion, kalau saya tidak salah.

Satu perkara lain yang saya rasa perlu ditekankan, sebab saya simpati juga dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang dan juga isu yang saya sebutkan tadi iaitu guna Danaharta ini ialah untuk menyelamatkan syarikat/usahawan. Walaupun pembangkang mengatakan Danaharta ini semacam 'bail-out by government', dengan izin, seolah-olah itu adalah satu pendekatan yang buruk, kita difahamkan institusi seperti Danaharta ini dilaksanakan di Amerika Syarikat sendiri melalui 'Resolution Trust Corporation atau pun FDICnya, ataupun di Sweden dan juga di Thailand dan di Indonesia. Kalau pun ia mengikut arahan IMF, ianya juga diadakan seperti di Mexico dahulu yang dipanggil 'the bank hospital', bank untuk mengatasi masalah bank-bank yang sakit. Ada perkataan Spanishnya, saya pun sudah lupa. Di Amerika Syarikat kerajaan telah mengeluarkan Brady bond pun untuk membiayai masalah-masalah ini savings and loan mereka. Di Jepun ia ada konsep 'bridge bank', maknanya bank-bank yang bermasalahan dipindah sama ada bridge bank ini membeli asetnya atau membeli ekuiti bank tersebut.

Jadi tidak menjadi satu isu kalau pembangkang hendak mengatakan Danaharta ini satu skim government bail-out, kerana kerajaan di merata-rata tempat telah melaksanakan perkara ini oleh kerana sistem sesebuah negara itu sangat penting dalam mana-mana ekonomi moden. Kalau pembangkang bangkitkan isu ini, ia bangkitkannya hanya kerana politik, bukan kerana memikirkan kepentingan negara.

Dalam soal ini, saya ingin mendapat sedikit pertimbangan oleh pihak kementerian tentang selectivity dan kriteria, kerana dalam soal tadi yang saya sebutkan, kalau pun Danaharta ini berjaya mengeluarkan bon sampai ke RM15 bilion ke RM20 bilion, jika dalam keadaan ekonomi yang diunjur sekarang ini mungkin lebih teruk dari apa yang kita alami sekarang iaitu NPLnya jauh lebih tinggi, kerana kita belum lagi melihat seperti kesuntukan pasaran hartanah dalam down cycle yang dahulu tahun 1985 dan 1986 pernah terjadi. Saya masih ingat dalam Dewan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan

bertanya tentang asset inflation ini dan bagaimana ianya akan digantikan dengan deflasi aset apabila gelembong ini pecah berikutan dengan kejatuhan nilai saham akibat serangan ke atas mata wang dengan pengambilan keluar modal asing sebanyak RM13 juta pada Ogos 1993 ianya akan memecahkan gelombang harga ini. Dengan itu akan berikutan proses deflasi di mana kejatuhan Ringgit membawa kepada kejatuhan saham, membawa kepada kejatuhan harga nilai hartanah. Kejatuhan nilai hartanah ini masih belum direalisasikan buat masa ini, sudah ada tetapi oleh kerana tidak ada urusan hartanah maka ianya belum direalisasikan, syarikat masih lagi menunggu dan mengharapkan ekonomi pulih dan dengan itu ia tidak perlu melupuskan atau pun tidak perlu menjual aset hartanahnya itu pada nilai yang sudah jatuh 'below market' atau pun pada nilai yang telah dicagarkan dahulu kepada bank. Dengan itu sekurang-kurangnya memberi masa untuk dia melihat nilai hartanah itu naik balik.

Jadi satu daripada masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah susutan nilai itu masih berterusan sehinggakan menjejaskan 'loan lost cover' bagi bank-bank. Dalam keadaan ini syarikat-syarikat pemaju tanah mengambil keputusan tidak menjual asetnya ataupun tanah itu disimpan walaupun pelan telah diluluskan tetapi dia menanggung perlaksanaannya. Walaupun sekarang ini ia membuat pengumuman untuk jual, mungkin tidak ada pembeli kerana tidak ada kredit daripada bank. Jadi dalam keadaan demikian itu nilai yang telah diluluskan pemaju tanah tersebut yang dicagarkan kepada bank tidak dapat dilaksanakan; inilah yang membawa kepada masalah. Itulah sebabnya kita telah mencadangkan meminta kerajaan supaya mengubah balik daripada tiga bulan NPL statement period kepada enam bulan dalam takrif NPL. Bagaimanapun, Sekarang isunya bukan tiga bulan atau enam bulan lagi, seperti Yang Berhormat dari Machang katakan tadi, kita bersetuju. Ini bukan menjadi isu lagi kerana orang sudah teruk. Jadi inilah soalnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa habis untuk hari ini.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyurat 16(3), Mesyurat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang diPertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

**Masalah Penerimaan Pancaran Televisyen
di Daerah Barat Daya Pulau Pinang**

6.31 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, masalah penerimaan pancaran televisyen di daerah Barat Daya di Pulau Pinang. Penduduk-penduduk di kawasan Barat Daya Pulau Pinang selama ini tidak dapat menerima pancaran televisyen dengan lebih terang. Mereka hanya boleh mendapatkan satu ataupun dua saluran sahaja. Saluran yang lain kabur sentiasa. Penduduk-penduduk perlu memasang arial yang mahal dan tinggi serta memasang buster tetapi ini juga tidak membawa kesan yang memuaskan. Adalah menjadi laughing-stock, dengan izin, apabila pemimpin-pemimpin melaung-laungkan slogan era maklumat dan juga untuk menuju ke wawasan 2020 sedangkan masalah pemancaran televisyen pun tidak dapat diselesaikan oleh Kementerian Penerangan. Sekian.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang ketika ini ada dua stesen pemancar TV RTM iaitu di Bukit Perdana dan di Teluk Kumbar. Kawasan-kawasan di Pulau Pinang boleh juga menerima siaran TV RTM melalui pemancar TV di Gunung Jerai dan Bukit Larut.

Kementerian Penerangan sedar akan kawasan-kawasan yang menerima siaran TV RTM dengan kurang jelas di Pulau Pinang. Tindakan sedang diambil oleh kementerian ini untuk memperbaiki kawasan-kawasan yang terlindung secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan peruntukan yang mengizinkan.

Mengikut perancangan, semua kawasan yang terlindung termasuk di Pulau Pinang akan dapat diatasi menjelang tahun 2000. Apabila kerajaan siap membina stesen-stesen pemancar (transposer) TV di lokasi yang terlibat. Mengenai penerimaan siaran stesen TV swasta yang kurang jelas ianya adalah tertakluk kepada perancangan pihak pengurusan syarikat-syarikat yang berkenaan yang di luar bidang kuasa Kementerian Penerangan. Terima kasih.

Isu Pelarian Politik Aceh Dan Tanggungjawab Atas Dasar Perikemanusiaan

6.34ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, isu pelarian politik Aceh dan tanggungjawab atas dasar perikemanusiaan. Walaupun arus perkembangan dunia hari ini menjadikan dunia dan seluruhnya sebagai sebuah perkampungan ataupun global village, dengan izin. Namun hak-hak asasi manusia untuk memperjuangkan kebenaran dan mengatasi penindasan dan kezaliman tidak boleh dipandang sepi. Lebih-lebih lagi dalam kedudukan Malaysia dalam rakyat Aceh sebagai sebuah negara yang berjiran.

Pengiktirafan dan penghormatan terhadap pejuang-pejuang Aceh merdeka yang melarikan diri ke negara ini untuk mendapatkan taraf atau status pelarian politik tidaklah dihalang dan diremehkan oleh sikap global standard dengan izin. Sedangkan negara kita pernah memberikan perlindungan lebih daripada satu dekad kepada orang hanyut dari Kampuchea dan Vietnam yang kemudiannya mereka itu dihantar ke negara ketiga.

Malahan di suatu waktu dahulu kita pernah mengizinkan pelarian politik Brunei berada di negara ini. Dasar memberikan perlindungan dan ertinya bukanlah satu perkara baru atau suatu yang tidak pernah wujud. Malangnya

mengenai perkara politik Aceh atau pejuang Aceh merdeka, mereka disamakan dengan pelarian ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah pernah memihak kepada apa yang dilaporkan oleh media asing yang hangat pada beberapa bulan lalu mengenai tragedi pembunuhan yang berlaku di kem tahanan pendatang asing di negara ini. Namun demikian untuk membuktikan bahawa kita benar-benar tidak terlibat dengan tindakan zalim dan tidak perikemanusiaan sebagaimana yang dilaporkan oleh media asing itu maka saya menyeru satu penyiasatan bebas secara tulus hendaklah dilakukan. Lebih-lebih lagi ada sumber menyatakan seorang pegawai tinggi polis telah menembak sendiri 11 orang pelarian politik Aceh.

Penafian secara bertegang leher, seolah-olah menegakkan benang basah tidak akan menyelesaikan masalah yang sebenar. Tambahan pula dalam keadaan kita tidak mengukuhkan keyakinan pelabur asing terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penting ingin ditegaskan di sini bahawa pada hari ini kita bebas untuk menabik dada kerana kita masih berkuasa tetapi takdir dan nasib sesuatu pihak, golongan dan suatu bangsa bukan sepenuhnya di tangan kita. Sekiranya sebahagian pihak yang berkuasa sekarang ditakdirkan menjadi pelarian politik maka baru kita terkejut untuk mengukur tinggi rendah langit pada waktu itu. Maka ketika itu sudah terlewat. Oleh itu saya menyeru supaya pihak berkenaan menyiasat dan membentangkan laporan jelas mengenai pelarian politik Aceh yang masih hilang dan tidak tahu menahu ditemui oleh saudara mereka. Jika mereka sudah meninggal dunia sila tunjukkan di mana tanah perkuburan mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila jawab Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, semua warganegara asing yang datang ke negara ini tanpa pas yang

sah adalah melanggar undang-undang negara khususnya akta imigresen kita. Begitulah juga dengan pendatang tanpa izin Indonesia yang berasal dari daerah Aceh yang masuk ke negara ini tanpa mempunyai dokumen dan pas yang sah adalah pendatang tanpa izin. Tindakan ke atas mereka adalah sama seperti mana-mana warganegara asing lain yang masuk ke negara ini secara tidak sah. Kerajaan Malaysia tidak pernah mengiktiraf pendatang tanpa izin negara Indonesia yang berasal dari daerah Aceh sebagai pelarian politik.

Mengenai apa yang berlaku di kem tahanan Imigresen Semenyih pada awal tahun ini. Siasatan telah dijalankan mengikut prosedur yang berlandaskan undang-undang kita. Kehadiran warganegara Indonesia berasal dari daerah Aceh adalah secara haram dan kerajaan tidak mempunyai rekod kehadiran mereka di negara ini. Oleh yang demikian soal menyiasat yang mereka hilang itu adalah tidak timbul. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa dewan ini ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 ptg.

